



DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

A

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 28 MARCH 2011

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA 68)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**SIDEKSANI
CAWANGAN PERUNDANGAN PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN (10)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

TARIKH : 28MAC 2011 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONGI]

SOALAN

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONGI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan untuk negeri Pulau Pinang bagi membina sistem '*Material Recovery Facilities*'.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah *First Rolling Plan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKeO)*, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tiada mempunyai sebarang peruntukan untuk membina sistem "*material recovery facilities*" di Pulau Pinang.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Malaysia

Mac 2011

Hu)-, a

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA
BELAS**
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN :JAWAB LISAN

DARIPADA **Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN**
 BUJANG (SIBUTI)

TARIKH **28 MAC 2011**

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
menyatakanbilakah projek pembinaan jalan sepanjang 16 kilometer di kawasan Saeh akan dimulakan. Projek berkenaan merupakan projek yang dapat memberi impak yang besar kepada masyarakat sekitar kawasan Saeh yang mempunyai 13 buah rumah panjang dan penduduk sekitar 4,0 orang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM14.5 juta bagi pembinaan jalan di kawasan Saeh melibatkan pembinaan jalan sepanjang 16 km dan 5 buah jambatan menggunakan konsep Jiwa Murni. Projek ini telah mula dilaksanakan pada 16 Februari 2011 dan dijangka siap pada 15 Oktober 2011. Prestasi fizikal projek adalah sebanyak 31%.

NO. SOALAN: 12

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS (2011)**

LISAN

PERTANYAAN : Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GAZALI
(TITIWANGSA)

DARIPADA **TARIKH** **28 MAC 2011 [ISNIN].**

SOALAN

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Gazali [Titiwangsa] minta PERDANA MENTERI menyatakan Siapakah kontraktor yang diberi tender menaiktaraf Masjid Jamek Kg. Baru, Kuala Lumpur sebanyak RM20juta seperti yang telah diumumkan peruntukannya oleh Perdana Menteri serta syarikat mana pula yang menjadi arkitek & perunding projek tersebut dan adakah tender terbuka telah dibuat, jika ya, bilakah tarikh tersebut.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR DATO' DR.MASHITAH IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan projek menaiktaraf Masjid Jamek Kg. Baru, Kuala Lumpur telah diumumkan oleh Y. A. B. Perdana Menteri ketika Program Ziarah Masjid pada 5 Februari 2011. 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) akan menyumbangkan dana untuk kerja-kerja penaiktarafan tersebut.

Pada masa ini, projek tersebut masih berada di peringkat perancangan awal. Butir-butir terperinci mengenai perlaksanaan projek dan tender sedang dalam perbincangan dan masih belum ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN SALLEH BIN KALBI

TARIKH 28 MAC 2011 (ISNIN)
SOALAN 13

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tindakan Kerajaan terhadap AirAsia yang enggan menggunakan khidmat bantuan Malaysia Airport Berhad (MAB) dan syarikat penerbangan lain untuk mengalihkan pesawat miliknya yang terbabas dari landasan ketika mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) sehingga menyebabkan lapangan tersebut terpaksa ditutup sehingga 23 jam.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, Dewan Yang Mulia, pada jam 10.02 minit malam 10 Januari 2011 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, pesawat jenis Airbus A320 AirAsia AK 5218 dari Kuala Lumpur ke Kuching dengan jumlah 123 orang penumpang dan 6 orang anak kapal tergelincir dari landasan semasa mendarat dalam keadaan cuaca yang buruk. Akibat daripada insiden tersebut telah berlaku penutupan Lapangan Terbang Kuching selama 23 jam dan pembatalan sebanyak 105 penerbangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan pemulihan (*recovery*) mengambil masa yang panjang berikutan insiden tersebut adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Keadaan cuaca yang buruk dengan hujan lebat dan ribut petir yang berterusan pada malam tersebut turut memberi kesan kepada permukaan tanah menjadi lembut dan telah menyukarkan operasi pemindahan pesawat berkenaan;
- (ii) Operasi pengalihan pesawat perlu dilakukan dengan berhati-hati memandangkan bahagian hadapan pesawat adalah amat sensitif. Pengawasan yang tinggi diberikan untuk mengurangkan kerosakan kepada pesawat terutamanya kepada ‘avionics system’ yang merangkumi sistem elektronik pesawat, komunikasi, navigasi dan sebagainya untuk mengelak kerosakan tambahan berlaku;
- (iii) Syarikat penerbangan bertanggungjawab membuat pemulihan pesawat. Dalam usaha itu, Syarikat Penerbangan AirAsia terpaksa membawa peralatan dan pasukan pemulihan (*recovery*) dari Kuala Lumpur ke Sibu melalui udara dan seterusnya ke Kuching melalui jalan darat akibat penutupan lapangan terbang tersebut dan cuaca buruk tidak mengizinkan penerbangan helikopter; dan
- (iv) Hanya selepas pesawat tersebut diangkat dan dialihkan ke kawasan yang selamat, pembersihan landasan selesai dilakukan oleh pihak *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) dan seterusnya pemeriksaan bersama Jabatan Penerbangan Awam (DCA) untuk memastikan landasan dapat digunakan untuk pelepasan dan pendaratan pesawat-pesawat.

Lanjutan daripada insiden ini, satu analisis telah dijalankan dan Kerajaan mencadangkan untuk menetapkan suatu jangka masa bagi sesebuah syarikat penerbangan untuk berusaha mengalihkan pesawatnya yang mengalami kecemasan.

Dalam hubungan ini, sekiranya syarikat penerbangan menghadapi masalah untuk mengalihkan pesawatnya mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan, pihak lapangan terbang akan mengalihkan pesawat berkenaan dan kos pengalihan akan dikenakan kepada syarikat penerbangan berkenaan.

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
YB. DR. TAN SENG GIAW [
KEPONG]**

TARIKH

ISNIN, 28 MAC 2011

**RUJUKAN
SOALAN**

05 [PR-000-L41920]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk memastikan pembangunan di KL, (Putrajaya dan Labuan) adalah mengikut Pelan Struktur selaras dengan matlamat untuk menjadikan KL sebagai bandaraya taman tropika lagi bercahaya bertaraf antarabangsa. Apakah masalah dan cara-cara untuk menyelesaiakannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, pada tahun 2004, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mewartakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL2020) yang mengandungi matlamat, strategi dan dasar-dasar pembangunan dengan wawasan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Bertaraf Dunia menjelang tahun 2020.

Salah satu matlamat PSKL2020 adalah untuk membentuk satu imej bandar raya yang tersendiri. Berasaskan matlamat ini, Kuala Lumpur telah dibangunkan dengan imej sebuah bandar raya taman tropika. Ini boleh dicapai dengan:

- i) menggalakkan program pengindahan dan landskap di kawasan kediaman, perdagangan dan perindustrian; dan
- ii) menggiatkan program-program penanaman pokok di tepi jalan serta melandskapkan kawasan lapang dan rekreatif.

Di antara masalah utama bagi mencapai matlamat ini adalah kekangan dalam usaha menambah kawasan lapang di Kuala Lumpur. Bagi menambah jumlah kawasan lapang, Pindaan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 telah mencadangkan beberapa strategi baru, seperti berikut:

- i) mengenakan syarat penyediaan kawasan hijau melalui Permohonan Perancangan Pembangunan di mana semua cadangan pembangunan kediaman, perdagangan, industri dan pembangunan bercampur disyaratkan menyediakan 10% kawapan lapang;
- ii) mengenakan syarat melalui Permohonan Perancangan Pembangunan bagi penyerahan kawasan 7 meter dari rezab sungai di sepanjang sungai untuk dijadikan sebagai Koridor Sungai yang akan dilandskapkan dan disediakan kemudahan pejalan kaki; dan
- iii) mengenakan syarat penyediaan kawasan lapang awam melalui Pembangunan/Penjanaan Semula Bandar di mana pembangunan disyaratkan memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% kawasan lapang awam.

Manakala, bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, Rancangan Struktur Putrajaya dan sebahagian Daerah Sepang kini sedang di dalam peringkat kajian semula bagi mengambil kira perkembangan terkini, serta bagi menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Hijau serta pertambahan fungsi-fungsi sokongan kepada fungsi Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang sedia ada. Langkah ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan bandar ini lebih ceria dan *vibrant*.

Setelah ianya disiapkan, Perbadanan Putrajaya akan memastikan rancangan dan

strategi/ polisi pembangunan yang terkandung di dalam Rancangan Struktur ini akan di patuhi oleh pihak pemaju.

Sementara itu, Perbadanan Labuan (PL) dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) pula sedang menyediakan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan untuk Wilayah Persekutuan Labuan. Pada masa ini, ia masih di peringkat penyediaan Draf Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK
BADAK [
LUBOK ANTU]
TARIKH BERSIDANG 28 MAC 2011
SOALAN

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapa klinik desa di Lubok Antu dan Engkili tidak mempunyai sebarang peruntukan dalam *rolling pelan pertama RMK10* sedangkan kedua-dua klinik desa tersebut sudah uzur dan sempit. Malahan, tapak pembinaan sudah sedia ada begitu lama sekali.

Tuan Yang Dipertua,

Kedua-dua klinik ini akan dipohon di dalam *second rolling plan*, Rancangan Malaysia Ke-10. Walau bagaimanapun Kementerian telah mengambil inisiatif melakukan kerja-kerja penambahbaikan melalui peruntukan Paket Rangsangan Ekonomi 1 dengan peruntukan RM230.000.00 (RM230 ribu) di dalam Rancangan

Malaysia Ke-9 yang lalu. Kerja-kerja penambahbaikan yang dilakukan termasuk struktur fizikal, makmal dan farmasi bagi memberikan kemudahan kepada penduduk tempatan mendapatkan perkhidmatan perawatan dan perkhidmatan yang bermutu.

1

Hjolb

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN :LISAN

DARIPADA YB DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN

(SEPANGGAR)

TARIKH 28.3.2011

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah peruntukan dan jarak jauh jalan raya yang menghubungkan daerah dan jalan- jalan kampung yang telah dilaksanakan dalam RMk-9 dan akan dilaksanakan dalam RMK-10 (setakat ini) serta jumlah wang yang telah dibelanjakan pada tahun lalu untuk bekalan air dan tenaga elektrik di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah

RMKe-9 (2006-2010)

sejumlah RM945.0 juta atau 25% daripada jumlah peruntukan keseluruhan JALB yang berjumlah RM3.7 billion telah diluluskan bagi negeri Sabah. Di bawah tempoh Rolling Plan

Pertama, RMK-10 (2010-2012) pula, sejumlah RM2.0bilion telah diluluskan bagi membiayai 188 projek sepanjang 1,259.74km jalan di kawasan luar bandar negeri Sabah. Pada masa ini, status projek adalah seperti berikut:

| StatusProjek JALB | BilanganProjek | PanjangJalan (KM) |
|--------------------------|-----------------------|--------------------------|
| Siap | 26 projek | 314.21 km |
| DalamPembinaan | 39 projek | 167.02 km |
| Penilaian Tender | 73 projek | 430.07 km |
| Rekabentuk | 50 projek | 348.44 km |

Untuk makluman Yang Berhormat, dibawah RMKe-9 Kementerian ini telah diluluskan peruntukan untuk Program Jalan Kampung (PJK) sebanyak RM1,068.5 billion dengan perbelanjaan sebanyak RM1,067.7 billion atau 99.9%. Peruntukan untuk negeri Sabah dalam RMKe-9 berjumlah RM215,228,978.86 dengan jarak pembinaan jalan kampung sepanjang 1247 kilometer.

Di bawah First Rolling Plan RMKe-10 (2011-2012), siling peruntukan yang diluluskan untuk Program Jalan Perhubungan Desa (dahulunya dikenali sebagai Program Jalan Kampung) adalah berjumlah RM269.96 juta. Peruntukan untuk negeri Sabah berjumlah RM40.0 juta dengan anggaran jarak pembinaan jalan perhubungan desa sepanjang 105 kilometer.

Berhubung dengan jumlah perbelanjaan bagi bekalan air dan bekalan elektrik Negeri Sabah bagi tahun 2010 pula, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) adalah berjumlah RM110.81 juta dan RM315.63 juta bagi Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB).

SOALAN (17)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

| | |
|------------|--|
| PERTANYAAN | LISA |
| | N |
| TARIKH | 28 MAC 2011 (ISNIN) |
| DARIPADA | Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR] |

SOALAN

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setelah mengalami masalah banjir besar baru-baru ini di Johor dan beberapa negeri lain, apakah pendekatan yang digunakan Kerajaan untuk menggalakkan rakyat serta pemaju-pemaju perumahan membina bangunan dan rumah-rumah di atas tiang, khasnya bagi kawasan- kawasan yang di kenal pasti sebagai "flood prone areas".

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai dasar khusus mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tetap mengambil berat permasalahan dan kewujudan penempatan dan pembangunan perumahan di kawasan- kawasan mudah banjir (*flood prone areas*) di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, bagi mengurangkan permasalahan yang wujud dalam tempoh jangka panjang, KPKT telah merangka dan melaksanakan program-

SOALAN (18)

program berikut

- (i) menghadkan kelulusan pembangunan kediaman di kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan mudah banjir. Bagi kawasan-kawasan banjir yang telah sedia ada dizon dan dibangunkan untuk tujuan perumahan, langkah telah diambil oleh KPKT dan PBPT supaya kelulusan hanya diberi kepada kediaman berkepadatan rendah seperti rumah sesebuah dan rumah berkembar. Untuk pembinaan rumah sesebuah, pemaju atau pemilik tanah boleh merekabentuk bangunan menggunakan tiang atau kaedah-kaedah senibina yang lain bagi mengelakkan berlakunya banjir; dan
- (ii) membuat pengezonan guna tanah bandar secara komprehensif melalui penyediaan Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas oleh setiap Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT). Rancangan-rancangan ini hanya akan menempatkan guna tanah perumahan di lokasi-lokasi yang sesuai dengan mengelak perletakkannya di kawasan banjir.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2011

Soalan No : 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|------------|--|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY (BATU KAWAN) |
| TARIKH | 28.03.2011 |

SOALAN:

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah implikasi sebenar arahan Kementerian melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 17 Tahun 2010 yang menetapkan guru-guru mata pelajaran Bahasa Malaysia mesti memegang opsyen Ikhtisas Pengajian Melayu di mana arahan ini akan mengurangkan tenaga pengajar berbangsa Cina dan India di sekolah-sekolah Cina dan Tamil.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang melaksanakan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) berikutan pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang sedang dilakukan secara berperingkat. Justeru, dalam usaha untuk memartabatkan Bahasa Malaysia, KPM berpandangan adalah wajar murid-murid di sekoalh diajar oleh guru-guru yang memiliki opsyen atau Ikhtisas Bahasa Malaysia/Pengajian Melayu. Guru-guru ini telah dilatih secukupnya dan diyakini dapat mengajarkan membimbing murid-murid dengan lebih berkesan.

Bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, KPM telah menetapkan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17 Tahun 2010 iaitu :

- i. Guru yang berkelayakan mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia hendaklah terdiri daripada mereka yang boleh bertutur dalam dwibahasa dan mempunyai kredit dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
- ii. Bagi Tahun 3 hingga Tahun 6, guru yang mengajar Bahasa Malaysia hendaklah terdiri daripada mereka yang memiliki opsyen ikhtisas Pengajian Melayu; dan
- iii. Bagi kategori Sekolah Kurang Murid (SKM), guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia hendaklah dipilih dalam guru yang berpengalaman dan boleh bertutur dalam dwibahasa serta mempunyai kredit Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

Oleh yang demikian, KPM berpandangan pelaksanaan dasar ini tidak menyebabkan tenaga pengajar berbangsa Cina dan India berkurangan.

Rjm 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD.

SADIQUE

KAWASAN TENGGARA

TARIKH 28 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN NO.:

SOALAN:

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD. SADIQUE (TENGGARA) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan perlaksanaan projek perintis bidaan tender secara elektronik atau e-tendering bagi memastikan kontraktor dan perunding yang benar-benar layak dan cekap dibenarkan membuat bidaan bagi melaksanakan projek Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kerja Raya telah meiancarkan program perintis untuk pembidaan tender perolehan RMKe-10 secara elektronik menerusi *National e-Tendering Initiatives* (NeTI) yang dilancarkan pada bulan januari 2011 yang lalu.

Ini merupakan antara inisiatif dan penambahbaikan yang diambil oleh kementerian ini bagi memastikan proses perolehan Kerajaan diuruskan secara cekap dan telus menerusi penggunaan sistem teknologi makumat secara optimum. Program perintis e- tender ini sedang dilaksanakan oleh jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk tempoh percubaan selama 6 bulan, iaitu sehingga Jun 2011 .

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara kebaikan dan kelebihan sistem pembidaan tender secara elektronik ini berbanding dengan proses perolehan secara konvensional ialah seperti berikut:

- (i) penjimatan kos dan masa kepada pembida di mana bidaan tender boleh dilakukan secara talian sahaja tanpa perlu hadir ke jabatan Kerajaan terlibat untuk proses pembelian borang tender;
- (ii) kontraktor akan dapat menilai keupayaan dan menyaring kemampuan syarikat masing-masing, khususnya dalam aspek kewangan sebelum membuat sesuatu proses

bidaan tender;

- (iii) Kesilapan oleh pembida semasa mengisi borang tender dapat diminimumkan menerusi proses auto verifikasi yang diwujudkan dalam sistem e-tender;
- (iv) Elemen ketelusan dalam pemberian tender Kerajaan dapat dipertingkatkan kerana ia mengehadkan pertemuan secara bersemuka antara pihak-pihak yang berkepentingan;
- (v) Pangkalan data kontraktor dapat dibangunkan secara komprehensif menerusi sistem makiumat bersepadau kontraktor oleh CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK); dan
- (vi) Penjimatan ruang bagi tujuan penyimpanan data-data dan makiumat tender di jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, setakat ini program perintis e-tender ini telah menerima sambutan dan maklum balas yang baik dari pihak kontraktor yang mengambil bahagian. Sehingga 28 Februari 2011, sebanyak 13 projek perintis RMKe-10 telah dilaksanakan secara e-tender, melibatkan bidaan dari 423 bilangan kontraktor. Di dalam masa yang sama juga, kementerian ini melalui CIDB sedang giat melaksanakan pelbagai program bertujuan untuk mendedahkan kontraktor kepada sistem e-tender ini. Sehubungan itu, Kementerian

Kerja Raya akan berbincang dengan Kementerian Kewangan untuk memperluaskan pelaksanaan program e-tender ini kepada projek-projek Kerajaan yang lain, iaitu selepas tempoh percubaan program ini berakhir pada 30 Jun 2011.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI
 [TAWAU]
TARIKH 28 MAC 2011
SOALAN

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) apakah kemudahan baru atau yang dinaiktaraf dan peralatan baru di Hospital Tawau pada tahun 2011; dan
- (b) bilakah Hospital Tawau akan dilengkapi dengan MRI memandangkan hospital ini adalah sebuah hospital rujukan di Pantai Timur Sabah dan ia juga sebuah hospital penyokong pendidikan di Sabah.

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2010, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM2.78 juta untuk menaiktaraf kemudahan dan peralatan bagi kemudahan orang ramai di Hospital Tawau. Antara projek pembangunan yang akan dijalankan di bawah *2nd Rolling Plan*, RMK 10 termasuk pembinaan kuarters, naik taraf Unit Hemodialisis, perkhidmatan Jabatan Pesakit Luar serta menaiktaraf wad lama di hospital tersebut.

Pada tahun ini, (2011) kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk pembelian sebuah mesin MRI bagi Hospital Tawau dan Hospital Duchess of Kent Sandakan. Proses perolehan sedang diuruskan di peringkat Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun ini, (2011) kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk pembelian sebuah mesin MRI bagi Hospital Tawau dan Hospital Duchess of Kent Sandakan. Proses perolehan sedang diuruskan di peringkat Kementerian

SOALAN NO : 20

SOALAN NO : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
TARIKH [REMBAU]
28 MAC 2011

SOALAN

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah mekanisme perlaksanaan dan pemantauan bagi memastikan garis panduan dan jadual baru bayaran siling kepada doctor dan pakar, selain kos rawatan di hospital swasta, yang akan ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dipatuhi oleh kesemua pusat-pusat perubatan swasta di negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturannya yang berkuatkuasa pada 1 Mei 2006 memperuntukkan Jadual Fi yang mengawal fi profesional yang dikenakan oleh pengamal perubatan swasta yang berkhidmat di kemudahan jagaan kesihatan swasta ke atas pesakit.

Selain menetapkan kadar bayaran siling atau fi maksimum yang boleh dikenakan oleh pengamal perubatan swasta yang baru bagi prosedur sedia ada, pindaan ke atas Jadual Fi ini juga akan -

- a. menetapkan kadar bayaran siling bagi prosedur baru; dan

- b. meminda mana-mana naratif bagi prosedur yang tidak jelas untuk mengurangkan *ambiguity* dan mengelakkan penyalahgunaan oleh pengamal perubatan swasta seperti *multicoding* dan *unbundling*.

Akta 586 dan Peraturan-Peraturannya juga mengehendaki semua kemudahan jagaan kesihatan swasta mempunyai dan mematuhi dasar bertulis tentang kuantum fi profesional yang akan dikenakan oleh pengamal perubatan swasta yang berkhidmat di kemudahan tersebut berdasarkan Jadual Fi.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah meminta kerjasama Persatuan Hospital Swasta Malaysia dan hospital swasta yang menganggotai persatuan tersebut untuk memuatnaik dan memaparkan bil pesakit bagi pelbagai prosedur, termasuk fi profesional yang dikenakan pengamal perubatan.

Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia juga bercadang untuk menukuhan satu Jawatankuasa Arbitri Perubatan Kebangsaan (*National Medical Arbitary Committee*) untuk mempertimbangkan apa- apa ketidakpuasan hati mengenai fi yang dikenakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta termasuk ketidakpuasan hati pengamal perubatan swasta sekiranya kemudahan swasta di mana beliau berkhidmat tidak mematuhi kadar bayaran siling bagi pengamal perubatan swasta yang baru.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

| | | | | |
|------------------------|---|------------|-------|----------------|
| PERTANYAAN | BAGI JAWAB LISAN | | | |
| DARIPADA | TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] | | | |
| TARIKH | 28 MAC 2011 | | | |
| SOALAN | 22 | | | |
| Tuan William Leong Jee | Keen | [Selayang] | minta | MENTERI |
| PENGANGKUTAN | | | | |

menyatakan jumlah kes kemalangan bas serta orang-orang yang terbunuh pada tahun 2005 hingga sekarang dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah kemalangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan bas dari tahun 2005 sehingga 2009 adalah sebanyak 5,331 kes manakala jumlah kematian akibat daripada kemalangan tersebut bagi tempoh yang sama adalah seramai 240 orang. Setakat ini, Kementerian ini masih belum memperolehi data kemalangan dan kematian yang melibatkan bas bagi tahun 2010. Maklumat ini akan dijawab secara bertulis setelah diterima dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, kematian pemandu dan penumpang bas setiap tahun adalah tidak sampai 1 % daripada jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya. Penunggang dan pembonceng motosikal mencatatkan

kematian tertinggi akibat kemalangan jalan raya dengan jumlah kematian sebanyak 58% hingga 60% setiap tahun. Walaupun secara perbandingannya jumlah ini agak kecil, namun Kerajaan tetap memandang serius perkara ini dan mengambil langkah-langkah intervensi seperti berikut:

- (i) menguatkuaskan peraturan keselamatan antarabangsa iaitu *United Nations Economic Commission For Europe (UNECE) Regulations* yang melibatkan R66 untuk pengukuhan struktur badan bas, dan R108 serta R109 untuk peraturan keselamatan tayar;
- (ii) menguatkuaskan penggunaan kod amalan keselamatan, kesihatan dan persekitaran (*Safety, Health and Environment - SHE*) terhadap pengurusan kenderaan komersial
- (iii) menjalankan pemeriksaan rawak buku log, pemeriksaan keadaan brek dan tayar bas serta pemeriksaan rambang air kencing pemandu di stesen bas. Pemeriksaan yang dilakukan oleh anggota penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan kerjasama PDRM dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di terminal bas bertujuan untuk memastikan keadaan pemandu dan basnya selamat sebelum dibenarkan meneruskan perjalanan;
- (iv) pelaksanaan program advokasi mingguan JKJR bersama *stakeholders* termasuk NGO-NGO dan sektor swasta bagi mendidik pengguna jalan raya termasuk pemandu-pemandu bas untuk mengamalkan petua emas keselamatan jalan raya dan memandu secara berhemah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

SOALAN NO: 23

DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.

MUTTALIB [MARAN]

TARIKH 28 MAC 2011

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan di bawah tanggungjawab Kementerian bermula tahun sudah, sejumlah 1.3 juta unit notebook akan diagihkan kepada pelajar menengah yang tidak berkemampuan. Turut menerima termasuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Pertubuhan Sukarela (NGO). Untuk memperluaskan penggunaannya di luar bandar, apakah rancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan talian telefon (TELEKOM MALAYSIA BERHAD) dalam memanfaatkan program ini dengan lebih berkesan kepada penerima.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 1 juta Komputer 1 Malaysia diagihkan secara berperingkat kepada golongan pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah dan golongan berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan kurang liputan yang telah tersedia perkhidmatan jalur lebar.

Bagi Fasa 1, 117,575 unit komputer telah diagihkan kepada pelajar-pelajar sekolah yang tinggal berdekatan dengan Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK), di mana akses jalur lebar yang ditawarkan adalah melalui jalur lebar tanpa wayar yang disediakan di sekitar PJK.

Bagi memastikan penerima Komputer 1 Malaysia untuk fasa-fasa berikutnya dapat mencapai perkhidmatan jalur lebar dan seterusnya memanfaatkan Program ini, beberapa program/projek sedang dilaksanakan untuk memperluaskan liputan jalur lebar di sekitar kawasan yang telah dikenal pasti. Antaranya ialah:

- (i) pelaksanaan Program Kampung Tanpa Wayar sehingga akhir tahun 2014;
- (ii) menambah bilangan Pusat Telekomunikasi Jalur Lebar iaitu Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) dan Perpustakaan Jalur Lebar (PJL) di seluruh negara sehingga tahun 2013; dan
- (iii) pembinaan 873 menara telekomunikasi di kawasan-kawasan yang kurang liputan sehingga tahun 2012.

Soalan No : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
(PENDANG)

TARIKH : 28.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATO¹ DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah pelajar Sekolah Rendah Islam tajaan Kerajaan dan swasta diseluruh negara dan apakah kemudahan yang diperolehi oleh mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Adalah menjadi tanggung jawab Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada semua tanpa mengira kaum dan agama di negara ini. KPM sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan pendidikan dalam memastikan pembangunan modal insan lebih berkesan tanpa mengamalkan diskriminasi ke atas mana-mana jenis sekolah yang terdapat di dalam sistem pendidikan kebangsaan termasuklah Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK). Peruntukan bagi SBK diberi dari semasa ke semasa melalui bantuan Pakej Rangsangan Ekonomi 1 dan 2. SBK ini juga turut menerima peruntukan bantuan modal untuk pembangunan fizikal melalui Butiran Bantuan Modal dalam setiap Rancangan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Rendah Islam (SRI) bukan dibawah seliaan KPM. Namun begitu, sebanyak 19 buah Sekolah Rendah Agama (SRA) telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). SABK turut mendapat kemudahan seperti sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan yang lain. Setakat ini, jumlah murid yang mengikuti pendidikan di

SABK adalah berjumlah 5,906 orang. Manakala SRI swasta pula, adalah menjadi tanggung jawab sekolah tersebut untuk menyediakan kemudahan- kemudahan yang diperlukan.

Rjm 64

SOALAN NO. 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADA : YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD

TARIKH 28 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan kursus-kursus keibubapaan dalam usaha untuk mengurangkan kadar penderaan kanak-kanak yang semakin berleluasa dan nyatakan jumlah kes penderaan keluarga yang dilaporkan melalui talian Nur 15999 tahun 2010 yang telah dapat diselesaikan.

JAWAPAN Tuan

Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan isu penderaan kanak-kanak yang semakin berleluasa yang sekiranya tidak dibendung akan menggugat institusi keluarga. KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terus melaksanakan pelbagai kursus keibubapaan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan mengukuhkan institusi keluarga dan sekaligus dapat membendung isu penderaan kanak-kanak dalam masyarakat. Antara kursus-kursus yang telah dilaksanakan adalah:

Siri Kursus Pembangunan Keluarga ‘Ilmu Keluarga@LPPKN’ diadakan setiap bulan di setiap negeri kepada masyarakat umum. Bagi tempoh 2006 hingga 2010, sejumlah 4,610 kursus telah diadakan melibat penyertaan hampir

500,0 peserta. Pelaksanaan kursus ini berasaskan kepada Pakej Modul KASIH yang memberi penekanan kepada topik-topik berikut:

- i. Keibubapaan anak kecil;
- ii. Keibubapaan anak remaja;
- iii. Kebapaan (*Fatherhood*);
- iv. Persediaan perkahwinan; dan
- v. Pemantapan keluarga.

Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*) telah dilaksanakan di tempat kerja di sektor awam, swasta dan dalam komuniti sejak tahun 2007. Matlamat program adalah untuk membantu ibu bapa bekerja mengimbangi tanggungjawab kerja dan keluarga (*work life balance*). Antara aspek yang diliputi adalah cara-cara mengurus konflik dan menyelesaikan masalah, dengan izin, ‘*interpersonal*’ di samping pengurusan tekanan yang mana diharap dapat meningkatkan kemahiran ibubapa dalam mengelak situasi berisiko seperti penderaan kepada kanak-kanak. Bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan Disember 2010, sejumlah 363 program telah dilaksanakan oleh LPPKN dan NGO melibatkan 15,852 peserta.

Cara-cara menangani tekanan dan konflik juga diintegrasikan dalam Kursus PraPerkahwinan SMARTSTART yang disertai oleh pasangan yang akan berkahwin dan baru berkahwin (kurang 5 tahun). Dengan kerjasama Jabatan

SOALAN 26

Pendaftaran Negara, NGO dan Badan Agama, sejumlah 354 program telah dilaksanakan dengan disertai oleh 6,011 pasangan (12,022 orang). d. Pada tahun ini, kursus-kursus keibubapaan akan diperluaskan ke peringkat komuniti setempat dengan kerjasama NGO sebagai salah satu usaha untuk mencegah jenayah, termasuk penderaan kanak-kanak. Menerusi program kerjasama ini, para sukarelawan NGO akan di beri latihan kejurulatihan menggunakan modul keibubapaan yang dibangunkan oleh LPPKN. Sukarelawan NGO berkenaan seterusnya akan melaksanakan kursus-kursus keibubapaan khususnya di komuniti setempat yang berisiko .

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kes penderaan keluarga yang telah dilaporkan melalui Talian Nur 15999 bagi tahun 2010, adalah sebanyak 724 iaitu 490 penderaan kanak-kanak dan 234 keganasan rumah tangga. Daripada jumlah tersebut, tindakan seperti melawat mangsa, memberi khidmat nasihat dan kaunseling telah diambil terhadap 714 kes manakala selebihnya masih dalam proses untuk diambil tindakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

**LISA
N**

DARIPADA

Y.B. DATO' HAJI WAN ABD

RAHIM BIN WAN ABDULLAH

[KOTA BHARU]

TARIKH

28 MAC 2011

SOALAN

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Kadar pertambahan pelancongan-pelancongan dari Asia Barat hasil daripada promosi Kerajaan di sana pada tahun 2010.

SOALAN 26

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Pelancongan Malaysia menerusi agensinya Tourism Malaysia sememangnya mempromosikan Malaysia di pasaran Asia Barat dengan menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan utama bagi pelancong-pelancong Arab.

Pada tahun 2010, Malaysia secara keseluruhan telah menerima kunjungan seramai **24.6 juta** pelancong dari seluruh dunia berbanding **23.6 juta** pada tahun 2009 yang menunjukkan peningkatan sebanyak **3.9 peratus**.

Pada tahun 2010, pelancong dari Asia Barat adalah seramai **320,373** pelancong berbanding **284,890** pelancong pada tahun 2009 dengan peningkatan sebanyak **12.5 peratus**. Pada tahun 2010, jumlah pendapatan daripada pelancong dari pasaran ini adalah sebanyak **RM 2.4 bilion** berbanding sebanyak **RM2.04 bilion** pada tahun 2009.

SOALAN (27)

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN . LISAN
TARIKH 28 MAC 2011 (ISNIN)
DARIPADA Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH]

SOALAN

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) langkah-langkah untuk membantu Badan Pengurusan Pangsapuri yang menghadapi masalah kurang membayar yuran pengurusan; dan
- (b) adakah Kerajaan sedia mengambil alih Badan Pengurusan Pangsapuri yang bermasalah dari segi kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Di bawah Akta 663, setiap pemilik petak bangunan berstrata hendaklah membayar yuran penyenggaraan kepada Badan Pengurusan (*Joint Management Body (JMB) /Management Corporation (MC)*) yang dilantik. Di bawah peruntukan akta ini, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mana-mana pemilik petak yang gagal membayar yuran-yuran penyenggaraan sepetimana yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedia membantu pihak JMB/MC yang menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan bagi kerja membaik pulih harta-harta bersama di bawah Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) mulai tahun ini. Bantuan akan diberi secara geran sepadan di mana 50% daripada kos pembaikan disumbangkan oleh Kerajaan manakala 50%

lagi disumbangkan oleh pihak pengurusan bangunan yang berkenaan.

b) Untuk makluman, tiada peruntukan di bawah undang-undang sedia ada bagi Kerajaan untuk mengambil alih pengurusan bangunan-bangunan berstrata yang menghadapi masalah kewangan. Namun demikian, Kerajaan sedia membantu pihak JMB/MC yang menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan bagi kerja membaik pulih harta-harta bersama di bawah Program Penyenggaraan Perumahan (PPP).

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2011

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]**

TARIKH 28 MAG 2011

SOALAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

SOALAN NO : 29

bilangan aduan (serta keputusan) yang diterima oleh Majlis Perubatan Malaysia berkenaan salah laku doktor setiap tahun mulai 2001 hingga 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan Aduan beserta keputusan bagi tahun 2001 sehingga 2010 adalah seperti yang berikut:-

| Tahun | Jumlah Aduan Diterima | Keputusan | | | | | Jumlah Aduan Yang Selesai Pada Peringkat JPP Dan MPM | |
|-------|-----------------------------|--|--|------------------|-------------------|--------|--|--|
| | | Pada Peringkat JPP | Pada Peringkat MPM di bawah sekyen 30 Akta Perubatan 1971 | | | | | |
| | | Dibawah Seksyen:- 28 (1), 29 (3), 29 (4)(a) & 29 (7)(a) Akta Perubatan 1971 | Pertuduhan Digugurkan | Nama Dipotong | Nama Digantung | Celaan | | |
| 2001 | 50 | 20 | 1 | 0 | 0 | 2 | 23 | |
| 2002 | 53 | 25 | 1 | 0 | 1 | 2 | 29 | |
| 2003 | 67 | 50 | 1 | 0 | 1 | 3 | 55 | |
| 2004 | 56 | 25 | 5 | 0 | 2 | 3 | 35 | |
| 2005 | 56 | 41 | 6 | 0 | 9 | 5 | 61 | |
| 2006 | 68 | 79 | 12 | 2 | 8 | 6 | 107 | |
| 2007 | 41 | 52 | 10 | 0 | 6 | 8 | 76 | |
| 2008 | 87 | 65 | 11 | 2 | 7 | 5 | 90 | |
| 2009 | 119 | 57 | 11 | 2 | 7 | 2 | 79 | |
| 2010 | 112 | 65 | 4 | 0 | 4 | 7 | 80 | |

Nota : MPM - Majlis Perubatan Malaysia

JPP - Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan

*Aduan yang tidak diselesaikan pada tahun berkenaan akan di bawa ke tahun hadapan.

NO. AUM : 19

NO. AUP i d f i

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

| | |
|--------------|--|
| PERTANYAAN : | LISAN |
| DARIPADA | DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [LENGGONG] |
| TARIKH | 28 MAC 2011 |
| RUJUKAN | 3417 |

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pencapaian NKRA Kementerian sejak dilancarkan Kerajaan:-

- (a) berapakah jumlah warga asing yang ditahan di negara ini dan berapakah kos yang terpaksa Kerajaan tanggung keseluruhan berkaitannya ; dan
- (b) perancangan Kementerian mengurangkan kesesakan di penjara di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Lenggong yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Bagi warga asing yang ditahan di Jabatan Penjara sehingga 21 Februari 2011, terdapat sejumlah 10,878 orang yang terlibat kerana pelbagai kesalahan. Kira-kira 59% iaitu 6,426 daripada mereka melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen. Kos keseluruhan (utiliti) bagi tujuan penyelenggaraan seorang banduan di penjara adalah sebanyak RM35.00 sehari. Ia melibatkan kos bagi tujuan penyediaan peralatan, kemudahan harian, perubatan, kawalan, pengiringan, pemulihan, emolumen dan lain-lain. Oleh itu kos keseluruhan sehari bagi menyelenggara banduan warga asing tersebut adalah RM 380,730.

- (b) Berdasarkan statistik Jabatan Penjara mulai 2008 sehingga 2010 menunjukkan penurunan jumlah banduan, iaitu 34,300 pada tahun 2008 menurun kepada 32,337 pada 2009 dan 30,846 pada 2010. Begitu juga bilangan penjara yang sesak telah turut berkurangan iaitu 14 pada tahun 2008, 8 pada 2009 dan 5 sahaja pada 2010 daripada jumlah keseluruhan 31 buah penjara. Ini adalah hasil daripada langkah-langkah berterusan yang diambil oleh Jabatan Penjara dan Kementerian seperti berikut:

Menambahbaik program pemulihan Jabatan Penjara iaitu Program Pembangunan Insan mengikut modul yang sesuai dengan latar belakang dan kesalahan banduan bagi mengurangkan kemasukan berulang (residivis). Kadar residivis yang ditetapkan oleh Kementerian ialah 17% tetapi Jabatan Penjara pada tahun 2010 telah mampu mengurangkannya kepada 16.48%;

Melaksanakan pengkategorian penjara untuk tujuan pengkhususan dan keberkesanan pemulihan;

Melaksanakan program pemulihan berbentuk kemasyarakatan dan alternatif hukuman di luar penjara melalui pelaksanaan sistem parol dan perintah wajib hadir. Ini termasuklah menyediakan rumah perantaraan kepada banduan yang dibebaskan yang tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan;

Melaksanakan pemindahan banduan dari penjara yang sesak ke penjara yang tidak sesak;

Mempercepatkan proses pendakwaan dan penghantaran pulang banduan warga asing selepas tamat tempoh hukuman dengan kerjasama mahkamah, Jabatan Imigresen dan pihak kedutaan terlibat; dan

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Peguam Negara sedang dalam

proses menyediakan Akta bagi membolehkan pemindahan banduan warga asing untuk menjalani hukuman dan perintah parol di negara asal.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS, PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

JAWAB LISAN

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS**

(TELUK KEMANG)

TARIKH

28.3.2011

SOALAN

30

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan:

- (a) hasrat kerajaan untuk memberi hak milik tanah secara individu kepada setiap keluarga masyarakat Orang Asli; dan
- (b) mewartakan bahagian tanah komunal seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, isu pemilikan tanah di kalangan masyarakat Orang Asli sering dibangkitkan sejak tahun 1990an oleh pelbagai pihak termasuk masyarakat Orang Asli sendiri. Isu ini mendapat perhatian umum dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini sama ada melalui forum, seminar, persidangan dan mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan.

Sehingga kini tanah yang diduduki dan diusahakan oleh Orang Asli adalah seluas 50,563.51 hektar (19,713 hektar) telah diwartakan sebagai tanah rizab dan 30,849.86 hektar telah lulus oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) tetapi belum diwartakan. Dianggarkan seluas 85,934.80 hektar tanah telah dipohon kepada PBN dan seluas 8,990.71 hektar didiami tanpa permohonan.

Sehubungan itu, kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah meningkatkan usaha serta mewujudkan suatu Dasar iaitu Dasar Pemberimanikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli (DPPTOA) seperti mana yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) kali ke 65 pada 4 Oktober 2009.

Mesyuarat tersebut telah mengambil ketetapan dan bersetuju dengan cadangan dasar yang telah dibentangkan di mana antara intipati yang penting adalah pemberian hak milik tanah individu kepada Ketua Isu Rumah Orang Asli dengan purata 0.1 hektar (1/4 ekar) untuk tapak rumah dan 2 hingga 6 ekar bagi tanak ladang.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian telah dan sedang mengadakan perbincangan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri bagi menyemak semula Dasar Pemberimanikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli termasuk mewartakan tanah komunal yang telah dipohon kepada PBN untuk kegunaan awam seperti mana di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara.

SOALAN NO: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG]

TARIKH

28 MAC 2011

SOALAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah polisi 1% memberi pekerjaan kepada golongan OKU dilaksanakan di jabatan-jabatan Kerajaan dan swasta.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, 16 buah agensi telah mencapai sasaran pengisian 1% Orang Kurang Upaya (OKU) di agensi masing-masing. Manakala sejumlah 25 agensi lagi telah mencapai 0.4% hingga 0.9% pengisian OKU.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited di dalam pelaksanaan dasar pengambilan satu peratus (1%) peluang pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam kepada golongan OKU.

Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 pada 15 Disember 2010 bagi menggantikan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 dengan menggariskan langkah-langkah yang lebih *affirmative* dan pemantauan berterusan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan dan agensi yang berkaitan terutama Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga sedang mempergiatkan usaha menyediakan infrastruktur mesra OKU terutama bagi bangunan-bangunan baru kerajaan bagi memudahkan akses OKU.

Dalam usaha mencapai sasaran tersebut, Suruhanjaya juga telah menetapkan keistimewaan lain iaitu tiada kriteria tambahan yang dikenakan ke atas OKU sebelum dipanggil temu duga dan pengecualian daripada menduduki peperiksaan khas bagi calon yang cacat penglihatan.

Pada tahun 2010, Suruhanjaya telah melantik seramai 132 calon OKU ke pelbagai skim perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut, seramai 19 calon kumpulan Pengurusan dan Profesional, 32 calon kumpulan Sokongan I dan 81 calon Kumpulan Sokongan II telah dilantik.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN :

JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF [BALIK PULAU]**

TARIKH

28 MAC 2011

SOALAN

**YB Tuan Mohd Yusmadi Bin Mohd Yusoff
[Balik Pulau] minta MENTERI LUAR
NEGERI menyatakan adakah Malaysia
mempunyai hubungan langsung dengan
puak Hamas di Semenanjung Gaza secara
diplomatik dan beberapa lagi puak Islam di
Asia Barat.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Balik Pulau di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia sentiasa memainkan peranan aktif dan positif ke arah usaha mencari penyelesaian yang adil dan saksama di dalam konflik Israel-Palestin, khususnya ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Dalam hal ini, Malaysia telah secara aktif dan berterusan menyuarakan pendiriannya di peringkat dua hala dan pelbagai-hala menerusi fora-fora antarabangsa, khususnya di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) bagi memohon badan-badan duriia tersebut supaya lebih tegas dan serius dalam usaha memastikan kejayaan Pelan Damai Israel-Palestin demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat Palestin dari ancaman dan penindasan berterusan Rejim Israel.

3. Malaysia juga sentiasa menggesa kuasa-kuasa besar dunia terutamanya Amerika Syarikat dan ahli-ahli Kuartet Timur Tengah supaya memainkan peranan yang lebih aktif dan positif dengan mengenakan tekanan terhadap rejim Israel supaya penyelesaian kepada konflik Israel-Palestfn ihi tercapai.

4. Dalam usaha untuk meringankan beban penderitaan rakyat Palestin, Kerajaan Malaysia telah menyalurkan pelbagai bantuan kemanusiaan umpamanya sumbangan kewangan bagi pembinaan semula sekolah, pembelian jentera bagi pihak berkuasa Palestin serta penganjuran kursus-kursus bina upaya di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) bagi rakyat Palestin. Kerajaan juga telah menyalurkan sumbangan kewangan kepada Kedutaan Palestin di Kuala Lumpur sejak tahun 1983. Sumbangan kewangan tersebut antara lain adalah untuk membantu dalam urusan operasi Kedutaan. Kerajaan Malaysia bagaimanapun, tidak mempunyai ketetapan atau peruntukan kewangan yang khusus untuk membantu umat Islam di Palestin.

5. Dari segi hubungan diplomatik dengan pihak Palestin, Malaysia merupakan antara negara yang pertama di dunia memberi pengiktirafan kepada Kerajaan Palestin. Ini terbukti apabila Pejabat Pertubuhan Pembebasan Palestin atau *Palestine Liberation Organization* (PLO) ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1974. Pejabat ini telah di naik taraf ke Kedutaan Besar Palestin pada tahun 1983. Sehingga kini, Malaysia hanya mempunyai hubungan diplomatik dengan Pihak Berkuasa Palestin (Palestine National Authority) yang diterajui oleh Presiden Mahmoud Abbas.

6. Malaysia hanya mempunyai hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan di rantau Timur Tengah yang dilantik atau dipilih

secara sah oleh rakyat negara masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN
ONN

TARIKH 28 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah rancangan dan program yang telah dilaksanakan untuk mengubah sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur supaya menggabungkan lebih banyak kereta yang berdasarkan tenaga hijau dan *hybrid* yang seiringan dengan penggantian kereta pengangkutan awam konvensional.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat sedang merangka Dasar Pengangkutan Awam Negara yang akan mengenalpasti dasar dan langkah-langkah perlaksanaan untuk membangunkan satu sistem

pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, cekap, terancang, bersepadu dan mapan. Sebagai langkah pertama, usaha untuk menggalakkan orang menggunakan pengangkutan awam adalah dengan sendirinya langkah yang mesra alam kerana pengangkutan awam dapat membawa bilangan orang yang ramai dengan lebih efisyen jika dibanding dengan kenderaan persendirian.

Pada masa yang sama, Dasar Pengangkutan Awam Negara juga akan mengandungi langkah-langkah untuk menggalakkan penggunaan tenaga hijau dalam industri pengangkutan awam di negara ini.

Sekian, terima kasih.

SJ.B/(56)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 28.03.2011

Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan secara terperinci mengenai:-

- (a) nilai portfolio PNB dan hasil portfolio, perbelanjaan dan keuntungan PNB bagi tahun kewangan 2007 hingga 2010; dan
- (b) sama ada PNB tertakluk untuk membayar apa-apa cukai dan mengapakah saham PNB tidak dipindah kepada ASN.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh tahun kewangan 2007 hingga 2010, nilai asset di bawah pengurusan Permodalan Nasional Bhd (PNB) adalah di antara RM99 bilion hingga RM182 bilion. Perbelanjaan PNB bagi tempoh yang sama adalah di antara RM973 juta dan RM910 juta setahun dan keuntungan bersih pula di antara RM1.3 bilion hingga RM1.9 bilion setahun.



28/3/11

2. Sebagaimana entiti korporat yang lain, PNB juga dikenakan cukai berdasarkan Akta Cukai yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Bagi tahun kewangan 2007 hingga 2010, jumlah cukai pendapatan yang telah dibayar oleh PNB adalah antara RM111 juta hingga RM139 juta setahun, manakala zakat pula adalah sebanyak RM17 juta ke RM22 juta setahun.
3. Saham-saham pelaburan milik PNB dan tabung unit amanah Amanah Saham Nasional (ASN) adalah merupakan 2 portfolio pelaburan yang berbeza. Portfolio pelaburan PNB adalah menggunakan dana proprietarinya sendiri manakala portfolio pelaburan tabung unit amanah ASN adalah bersumberkan dana yang dilaburkan oleh orang awam. Oleh itu, sebarang pindah milik saham di antara portfolio pelaburan PNB dan tabung unit amanah ASN boleh dilakukan melalui proses jual beli saham, mengikut undang-undang peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia, Bank Negara dan badan-badan kawal-selia yang berkaitan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
(KUALA NERUS)
TARIKH 28.03.2011
SOALAN:

Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah yang akan dilaksanakan untuk membantu guru sandaran tidak terlatih (GSTT) yang lama berkhidmat di sekolah.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah dibentangkan semasa penggulungan Perbahasan Titah DiRaja pada 24 Mac yang lalu. Bahawa pelantikan GSTT adalah dibuat berdasarkan kepada keperluan semasa untuk mengisi kekosongan atau kekurangan guru di sekolah, yang disebabkan oleh guru cuti bersalin, menyambung pelajaran dan sebagainya. Lantikan ini adalah bersifat sementara yang dilaksanakan secara kontrak berdasarkan bulan ke sebulan, di mana tempoh perkhidmatan mereka akan ditamatkan apabila guru-guru terlatih daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) mengisi kekosongan tersebut.

Namun demikian, GSTT yang telahpun berada dalam sistem pendidikan pada masa ini akan diberi perhatian dan pertimbangan oleh agensi pusat untuk terus berkhidmat dengan KPM. Justeru, ke semua GSTT tersebut akan diberi pertimbangan untuk diserapkan ke jawatan tetap dengan syarat mereka memenuhi syarat-syarat perlantikan anggota perkhidmatan awam, berkhidmat sebagai GSTT dua (2) tahun ke atas dan berumur tidak lebih daripada 35 tahun. Mereka ini akan diberi latihan iktisas yang bersesuaian dan akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang memerlukan di seluruh negara. Kementerian juga telah memutuskan mulai tahun ini, tiada lagi GSTT akan dilantik di masa hadapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN TUAN WONG HO LENG 28 MAC 2011
DARIPADA (ISNIN) N0.36
TARIKH
SOALAN Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI
menyatakan mengapa pelajar terbaik dalam Sijil
Peperiksaan Bersama (UEC) di Sarawak tidak ditawarkan biasiswa
dan/atau memasuki universiti tempatan, dan insentif pelajaran lanjut
yang diberikan kepada pelajar UEC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 29 Mac 2000 bersetuju untuk menerima pakai kelayakan sijil *Unified Examination Certificate (UEC)* atau *Senior Medical Three* yang dikeluarkan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School (MICSS)* sebagai kelayakan masuk ke IPTS.

Walau bagaimanapun, kelayakan UEC tidak diterima sebagai kelayakan masuk ke IPTA, Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program IPTS yang difrancais daripada IPTA

memandangkan UEC dikeluarkan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary Schools (MICSS) Unified Examination Board*, yang dikawal selia oleh sebuah badan pengawal peperiksaan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Bahasa pengantar yang diguna pakai di MICSS ialah Bahasa Mandarin. Justeru, sistem pengajaran dan pembelajaran MICSS tidak mematuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Kementerian Pengajian Tinggi tidak menyediakan biasiswa kepada pelajar lepasan SPM atau STPM untuk melanjutkan pengajian di IPT termasuk kepada pelajar lepasan UEC. Sungguhpun demikian, KPT menyediakan kemudahan pinjaman pendidikan yang disediakan oleh PTPTN kepada pelajar-pelajar IPTS yang memiliki kelulusan UEC. Pelajar-pelajar yang terlibat adalah dibenar memohon pembiayaan pendidikan mengikut kaedah yang dipersetujui antara PTPTN dan IPTS masing-masing.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED

(SEKIJANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 28.03.2011

Datuk Haji Baharum bin Mohamed (Sekijang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sejauh mana perancangan Kerajaan untuk memastikan tadbir urus syarikat GLC ditadbir dengan baik dan memberi keuntungan kepada masyarakat dan negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha paling ketara yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan kemampuan operasi serta keberkesanan tadbir urus syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) adalah melalui pelancaran Program Transformasi GLC (GLCT) pada bulan Mei 2005. Di bawah program 10-tahun tersebut, 10 inisiatif teras yang meliputi bidang utama operasi dan tadbir urus GLC telah diperkenalkan di antaranya:

- i) Lembaga Pengarah syarikat;
- ii) Proses perolehan syarikat
- iii) Tanggungjawab sosial korporat;

- iv) Pengurusan modal; dan
 - v) Pengurusan prestasi.
2. Secara amnya, GLC-GLC yang diletakkan di bawah Program GLCT telah melalui perubahan ketara dari segi tadbir urus serta prestasi hasil daripada inisiatif berikut:
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Pampasan Berdasarkan Prestasi;
 - Kontrak perkhidmatan berdasarkan prestasi;
 - Pembaharuan komposisi Lembaga Pengarah;
 - Pertukaran kepimpinan GLC; dan
 - Mempertingkatkan fungsi memantau dan mengurus (M&M) GLC di bawah syarikat-syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC).
3. Di antara pencapaian terkini Program GLCT adalah seperti berikut:
- i) Pendapatan Agregat 19 GLC terbesar di bawah Program GLCT telah meningkat hampir dua kali ganda kepada RM19 bilion pada tahun 2010 berbanding RM9.6 bilion pada tahun 2004.
 - ii) Kadar pemodalaman pasaran Kumpulan GLC ini telah meningkat kepada RM343 bilion (setakat Disember 2010) berbanding RM159 bilion pada Mei 2004.
 - iii) Keseluruhan Pulangan kepada Pemegang Saham (TSR)

tahunan turut meningkat kepada 16.3%, iaitu 2.2% lebih tinggi daripada Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI);

- iv) Pihak pelanggan beberapa buah GLC kini dapat menikmati produk yang lebih inovatif dan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan cekap. Sebagai contoh, para pelanggan menerima manfaat daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh Malaysian Airline System Berhad, syarikat penerbangan yang telah diiktiraf *5-Star Airline Award 2009/2010* oleh Skytrax dan *Asia's Leading Airline 2009* oleh World Travel Award;
- v) Pihak pembekal telah memanfaatkan pelbagai Program Pembangunan Vendor (VDP) yang ditawarkan oleh beberapa buah GLC. Sejak tahun 2004, seramai 130 vendor telah berjaya menamatkan program VDP sekali gus meningkatkan lagi kemampuan masing-masing dan menyumbang ke arah pembangunan ekosistem tempatan;
- vi) Pekerja di GLC menerima manfaat langsung daripada pelbagai program latihan dan pembangunan modal insan. Pada masa yang sama, seramai 6,000 orang siswazah menganggur turut dilatih dan ditempatkan di pelbagai syarikat tempatan termasuk GLC. Program Pertukaran Pegawai Kerajaan dan GLC pula meningkatkan lagi hubungan kerjasama antara kakitangan Kerajaan dan GLC; dan
- vii) Anggota masyarakat terusmenerima manfaat langsung melalui beberapa inisiatif tanggungjawab korporat

peringkat nasional. Antaranya program PINTAR yang sehingga kini menyaksikan penyertaan 32 buah syarikat, majoritinya merupakan GLC, telah memanfaatkan kira-kira 103,500 orang murid sekolah di 207 buah sekolah seluruh negara, dan juga Program Pembasmian Kemiskinan Sejahtera yang telah membantu sejumlah 2,148 buah keluarga.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH

28 MAC2011 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan

- (a) apakah sebab dan program yang akan dijalankan menyebabkan jumlah perbelanjaan mengurus Kementerian bagi tahun 2011 meningkat sebanyak 29% berbanding dengan tahun 2010; dan
- (b) adakah Kementerian akan memberi peruntukan kepada Namewee untuk filem " Namewee 1 Malaysia Story"

JAWAPAN:

SOALAN NO: 23

Tuan Yang di-Pertua,

Peratus peningkatan belanja mengurus KPKK bagi tahun 2011 adalah 27.95% berbanding peruntukan mengurus tahun 2010 dan bukannya 29% seperti yang dinyatakan. Pertambahan peruntukan adalah disebabkan perkara-perkara berikut:

SOALAN NO: 23

| | | |
|-------------------------------|-----------|-------|
| a) | Emolumen | - |
| | 6.57% | |
| b) | Pemberian | Geran |
| Kepada Badan - | 14.13% | |
| Berkanun KPKK, Lembaga Muzium | | |
| Negeri dan Perpustakaan Awam | | |
| Negeri | | |

Mengenai perpberian peruntukan kepada Namewee, Syarikat Prodigee Media Sdn Bhd pernah membuat permohonan pinjaman Dana Industri Kreatif berjumlah RM2.5 juta bagi penerbitan filem berkonsepkan 1 Malaysia iaitu "Nasi Lemak 2.0." Permohonan ini tidak dapat dipertimbangkan kerana pengarah, penulis skrip dan pelakon filem tersebut, Namawee terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan tatasusila dan nilai-nilai budaya masyarakat Malaysia.

NO. AUM

:^3T5e> NO.

AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

(PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
[TANGGA BATU]
TARIKH 28 MAC 2011
RUJUKAN 3422

SOALAN:

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan memandangkan terdapat kes kes tangkapan di pintu masuk luar negara berkaitan dengan penjualan serta pengedaran dadah oleh warganegara kita, apakah langkah langkah pemeriksaan keselamatan yang boleh mengesan pesalah pesalah ini daripada menaiki pesawat di lapangan terbang Negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tangga Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sememangnya amat serius dalam menangani aktiviti pengedaran dadah sama ada pengedaran di dalam maupun ke luar negara. Bagi membanteras kegiatan ini Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- i) Melakukan pemeriksaan rapi di pintu-pintu masuk utama sempadan negara dan Lapangan Terbang terhadap individu atau sindiket yang berpotensi dan dikenalpasti terlibat dengan aktiviti penyeludupan dadah;
- ii) Memperketatkan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara terutamanya di lapangan-lapangan terbang antarabangsa dengan penggunaan peralatan berteknologi tinggi seperti mesin pengimbas;
- iii) Meningkatkan lagi kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Kastam DiRaja Malaysia dan Jabatan Imigresen untuk memperketatkan lagi kawalan keselamatan di lapangan

terbang;

Memberi taklimat kesedaran kepada petugas-petugas serta pengurus-pengurus lapangan terbang dan syarikat penerbangan yang beroperasi di negara ini mengenai modus operandi kemasukan dadah oleh pengedar-pengedar dadah serta sindiket dadah antarabangsa; dan

Mewujudkan kerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mendapatkan profail penumpang pesawat sama ada dari dalam maupun luar negara yang disyaki sebagai kurier dalam pengedaran dadah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

TARIKH: 28 MAC 2011

SOALAN:

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bahawa banyak ladang terutamanya di Negeri Selangor sedang mengubah status tanah mereka kepada pembangunan sama ada kepada projek perumahan, pembiagaan atau industri. Apakah tindakan Kementerian bagi memastikan pekerja-pekerja ladang berkenaan tidak kehilangan hak asasi mereka dari segi pekerjaan, tempat tinggal dan kemudahan seperti mana yang mereka perolehi semasa bekerja di ladang-ladang berkenaan.

PR-000-L42797

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) memandang serius ke atas pekerja-pekerja ladang yang kehilangan pekerjaan, tempat tinggal dan sebagainya akibat perubahan status penggunaan tanah daripada perladangan kepada perumahan, pembiagaan atau industri. Bagi ladang yang hendak ditukar status tanah, KSM akan memastikan pekerja diberi notis mengikut tempoh dalam kontrak perkhidmatan disamping dibayar faedah pemberhentian kerja mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980.
2. KSM telah memperincikan setiap status tanah yang hendak dibangunkan dengan menetapkan beberapa syarat seperti berikut:-
 - a) Dalam meluluskan permohonan untuk memajukan tanah ladang bagi tujuan sesuatu projek komersil, Kerajaan Negeri hendaklah mengenakan syarat seperti berikut :-
 - i) jika tanah ladang dimajukan bagi tujuan projek perumahan, pemaju hendaklah dikenakan syarat supaya memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja ladang yang terlibat untuk membeli rumah yang sesuai dengan kemampuan mereka di bawah projek tersebut dengan harga yang berpatutan; dan
 - ii) jika tanah ladang dimajukan bagi tujuan selain dari projek perumahan, pemaju hendaklah dikenakan syarat supaya memberi bantuan yang sewajamnya kepada Kerajaan Negeri dalam usaha menempatkan semula (resettlement) pekerja-pekerja yang terlibat.
 - b) Dalam meluluskan permohonan daripada sesebuah badan Kerajaan Negeri atau badan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih (acquire) dan memajukan tanah ladang bagi tujuan projek kemudahan awam, Kerajaan Negeri hendaklah mengenalpasti terlebih dahulu langkah-langkah yang perlu diambil untuk menempatkan semula pekerja-pekerja yang kehilangan tempat

tinggal akibat pelaksanaan projek tersebut;

- c) Ladang yang menukar tanaman seperti daripada getah kepada kelapa sawit dan mengakibatkan pekerja-pekerja kehilangan pekerjaan dan tempat tinggal perlu membantu pekerja-pekerja yang terlibat mencari pekerjaan dan tempat tinggal baru;
 - d) Majikan yang memajukan sendiri tanah ladangnya atau menjualkan tanah ladangnya bagi tujuan projek komersil hendaklah membayar pampasan yang berpatutan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan tempat tinggal akibat pelaksanaan projek tersebut bagi tujuan membantu mereka sebanyak mungkin untuk membeli rumah sendiri.
3. Bagi pekerja ladang yang kehilangan pekerjaan akibat penukaran status tanah daripada perladangan kepada perumahan, pembiagaan atau industri, KSM akan membantu mendapatkan pekerjaan dengan mengadakan program penempatan setempat bagi pekerja tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE
(MAS GADING)
TARIKH 28.03.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [MAS GADING] minta Menteri Pelajaran menyatakan perancangan dan jadual kerja bagi membina baru, menaiktaraf serta mengubahsuai bangunan-bangunan sekolah diluar bandar yang sudah usang dan sesetengahnya bahaya untuk diduduki selaras dengan dasar Kerajaan untuk menghasilkan modal insan yang cemerlang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui RMKe-9 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah menangani isu sekolah usang dan tidak selamat dengan membina 290 unit bangunan pasang siap di 70 buah sekolah di Sarawak. Di samping itu, KPM juga telah melaksanakan projek ubah suai dan naik taraf di 57 buah sekolah, di Sarawak. Manakala di Sabah, 424 buah unit bangunan pasang siap bilik darjah untuk 174 buah sekolah juga telah dilaksanakan.

Untuk makluman, projek-projek ini masih lagi dalam pelaksanaan di dalam projek sambungan Projek Dua Tahun Pertama RMKe-10 (*1st Rolling Plan*).

Pembinaan projek-projek ini dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang diluluskan dengan mengambil kira keutamaan tahap kritikal sesebuah sekolah.

Rjm 67

SOALAN NO: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 28 MAC 2011

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan populasi pekerja kita mencecah 11 juta orang namun 5.3 juta pekerja sahaja yang membuat caruman PERKESO.

PR-000-L42364

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 hanya terpakai kepada perusahaan dan pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan. Walaubagaimana pun pekerja dalam kategori berikut dikecualikan dari liputan Akta sebagaimana Jadual Pertama AKSP 1969 :

- i. Kakitangan kerajaan;
- ii. Kakitangan Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang perkhidmatan mereka tetap dan berpencen/jawatan tetap;
- iii. Tentera dan polis;
- iv. Pekerja yang berkerja sendiri;
- v. Pekerja yang bergaji melebihi RM3,000.00 sebulanyang pertama

kali
berkerja.

- vi. Tuan punya dan pasangan kepada syarikat perkongsian atau syarikat persendirian;
- vii. Pekerja asing;
- viii. Pekhidmat rumah tangga (Domestic Servant), pelayan, butler, orang jaga anak, valet, footman, pekebun dan pemandu yang bekerja semata-mata di rumah kediaman dan bukan kerja profesyen pembiagaan yang dijalankan oleh majikan.

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan makluman di atas maka kerana itu jumlah mereka yang mencarum dengan PERKESO tidak mencecah angka polupasi pekerja di Negara ini.

<WI(7Mac-7JlpriCll)fm...22.2.11/jlMuafisaniL42364

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN**

KAWASAN **HULU SELANGOR**

TARIKH **28 MAC 2011 (ISNIN)**

SOALAN:

**Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN (HULU
SELANGOR) minta MENTERI KERJA RAYA**

menyatakan telah terbukti bahawa dengan adanya laluan khas untuk penunggang motosikal di lebuh raya Persekutuan jumlah kemalangan dapat dikurangkan. Sama ada Kementerian merancang untuk mewujudkan laluan khas untuk penunggang motosikal di jalan raya yang padat penggunaannya. Sekiranya ya, lebuh raya yang mana di rancang, dan, sekiranya tidak, apakah perancangan Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya amat prihatin dan mengambil maklum mengenai keselamatan kepada pengguna jalan raya, khususnya penunggang motosikal. Ini kerana peratusan tertinggi kemalangan maut yang dicatatkan di negara ini melibatkan kategori penunggang dan pembonceng motosikal, iaitu melebihi 60%. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan kepada Kerajaan supaya lorong khas untuk motosikal dimasukkan sebagai sebahagian dari skop pembinaan jalan raya dan lebuh raya baru, khususnya di laluan yang berkepadatan trafik yang tinggi, tertakluk kepada rizab jalan yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga tempoh RMKe-9 yang lalu, Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan sebanyak RM 149.2 juta bagi membina lorong-lorong motosikal di Jalan-Jalan Persekutuan di seluruh negara melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 116.5 kilometer. Di samping itu, sebanyak RM5.5 juta juga telah dibelanjakan bagi menaik taraf lorong-lorong motosikal sedia ada, khususnya di Jalan Persekutuan 2 antara Petaling jaya ke Shah Alam dan sebaliknya. Dalam RMKe-10 ini, kementerian ini telah mencadangkan kepada Agensi Pusat untuk membina 16 lagi projek pembinaan lorong khusus motosikal di seluruh negara, melibatkan anggaran kos sebanyak RM196 juta. Lokasi-lokasi yang terlibat telah dikenal pasti sebagai antara lokasi yang kerap berlaku

kemalangan melibatkan penunggang motosikal. Contohnya seperti di jalan Persekutuan 1, iaitu antara seksyen 425 hingga 437 di jalan Hulu Selangor-Serendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Pembinaan Lorong Khas Motosikal di jalan-Jalan Persekutuan ini melibatkan kos yang tinggi dan ia perlu dilaksanakan secara berfasa atau berperingkat-peringkat dalam Rancangan Pembangunan 5 tahun Kerajaan. Sehubungan itu, kementerian ini sedang berusaha dan berbincang sebaik mungkin dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan selewat-lewatnya dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10.

Sekian. Terima kasih.

**MESUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

: Y.B. JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI
PETANI)

TARIKH

28 MAC 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan

- (a) berapakah nilai tender projek luar bandar di Sarawak mengikut tahunan dalam tempoh RMKe-10; dan
- (b) senaraikan nama syarikat yang menerima tender melebihi RM500,000 setiap tender untuk tempoh tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) diberikan mengikut *Rolling Plan* bagi setiap dua tahun sekali. Di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-10 iaitu bagi tahun 2011 - 2012, peruntukan yang disediakan untuk program pembangunan KKLW ialah sebanyak RM13 billion, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.5 billion iaitu 32.88% adalah untuk negeri Sarawak. Peruntukan ini membolehkan KKLW merancang untuk melaksanakan sebanyak lebih kurang 800 projek yang merangkumi projek Jalan Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar, Projek Jalan Perhubungan Desa dan lebih kurang 6,000 unit bagi Program Bantuan Rumah (PBR).
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, senarai nama syarikat yang memperolehi tender yang berkaitan tidak dapat dikemukakan kerana pemilihan syarikat akan dibuat melalui penilaian sistem perolehan Kerajaan dan penentuannya adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria wajib dipatuhi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO : 46

DARIPADA DATO¹ HENRY SUM AGONG

[LAWAS]

TARIKH 28 MAC 2011

SOALAN

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah Klinik 1 Malaysia yang sudah dibina setakat ini dan nyatakan bilangan bagi setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik 1 Malaysia diwujudkan bagi tujuan memudahkan masyarakat mendapat akses perkhidmatan kesihatan dikawasan bandar khususnya. Pelanggan Klinik 1 Malaysia tidak menunggu lama untuk mendapatkan rawatan penyakit ringan. Sehingga akhir Januari 2011, sebanyak 79 Klinik 1 Malaysia telah diwujudkan dimana 53 telah beroperasi pada tahun 2010 dan 26 buah telah beroperasi pada tahun 2011. Pecahan 79 Klinik 1 Malaysia mengikut negeri adalah seperti jadual dibawah:

| Negeri | Jumlah |
|-----------------|--------|
| Perlis | 1 |
| Kedah | 5 |
| Pulau Pinang | 7 |
| Perak | 7 |
| Selangor | 8 |
| WP Kuala Lumpur | 6 |
| Negeri Sembilan | 5 |
| Melaka | 4 |
| Johor | 9 |
| Pahang | 5 |
| Terengganu | 4 |
| Kelantan | 6 |
| Sarawak | 6 |
| Sabah | 5 |
| W.P Labuan | 1 |
| Jumlah | 79 |

Kos memulakan perkhidmatan kesemua Klinik 1 Malaysia ini adalah sebanyak RM 6.5 juta. Jumlah kos ini adalah termasuk ubahsuai bangunan, pembelian peralatan perubatan dan peralatan bukan perubatan pada tahun 2010 (RM2.5 juta) dan tahun 2011 (RM4.0 juta). Setiap negeri akan mengenalpasti syarikat/kontraktor untuk menjalankan kerja pengubahsuaian diperingkat Pejabat Kesihatan Daerah. Pemilihan kontraktor berdasarkan tatacara perolehan sediaada iaitu berdasarkan harga, kualiti kerja dan rekod syarikat/kontraktor berkenaan.

Sehingga kini, sebanyak 300 perjawatan telah diwujudkan bagi Klinik 1 Malaysia yang terdiri daripada 100 Penolong Pegawai Perubatan, 100 Jururawat dan 100 Pembantu Perawatan Kesihatan. Semua jawatan telah di isi.

Klinik 1 Malaysia yang dikendalikan oleh kumpulan paramedik dan klinik swasta yang dikendalikan oleh doktor swasta tidak bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan pelanggan kerana skop perkhidmatan yang berbeza. Klinik 1 Malaysia hanya menyediakan rawatan untuk penyakit ringan yang boleh disediakan oleh paramedik berbanding perkhidmatan klinik swasta yang dapat memberi rawatan penyakit yang lebih kompleks yang memerlukan kepakaran seorang doktor perubatan yang bertauliah.

Sehingga 20 Februari 2011, sebanyak 1,632,210 kedatangan pesakit telah dilaporkan dari kesemua Klinik 1 Malaysia diseluruh negara. Jumlah ini termasuk 283,042 kedatangan di 25 Klinik 1 Malaysia yang beroperasi pada bulan Januari 2011. Melihat kepada jumlah kedatangan pesakit ini, ianya menunjukkan sambutan rakyat yang cukup menggalakkan dan ianya adalah relevan untuk dipertingkatkan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH

28 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan sumbangan untuk tapak warisan sedunia di George Town.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan bagi Bandar Warisan Dunia George Town sebanyak RM20 juta telah disalurkan pada tahun 2009 melalui Khazanah Nasional Berhad. Sebarang permohonan perlu dimajukan kepada pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara juga telah melaksanakan beberapa kerja konservasi di Georgetown menggunakan peruntukan di bawah RMKe-9.

No: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA YB. DATUK MD.SIRAT BIN ABU [
BUKIT KATIL]**

**TARIKH JAWAPAN 28 MAC 2011 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN NO. 47

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan langkah-langkah penambahan pengeluaran tenaga elektrik dan langkah-langkah penjimatan penggunaannya secara lestari dalam negara. Apakah Kerajaan berhasrat menggunakan sistem lampu LED di bangunan-bangunan Kerajaan dan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Di bawah teras keselamatan bekalan atau *Supply Security* dengan izin, pengeluaran tenaga elektrik dengan membangunkan loji janakuasa yang menggunakan teknologi terkini bagi meningkatkan kecekapan tenaga adalah

diberi keutamaan di negara ini. Ini adalah selaras dengan objektif bekalan di bawah Dasar Tenaga Negara iaitu untuk memastikan penyediaan bekalan tenaga yang mencukupi, selamat dan kos efektif melalui kepelbagaian sumber-sumber bekalan dari dalam dan luar negara. Contohnya, penggunaan teknologi *supercritical* dan *ultra supercritical* (dengan izin) dalam pembakaran arang batu, bagi menjana elektrik. Teknologi ini yang berdasarkan suhu dan tekanan yang tinggi, akan menghasilkan kecekapan tenaga yang lebih tinggi daripada sistem pembakaran konvensional serta dapat mengurangkan gas karbon dioksida yang signifikan.

Penggunaan tenaga dengan cekap menerusi *demand-side management* (dengan izin) adalah pendekatan yang digunakan di kebanyakan negara-negara lain. Bagi menggalakkan penggunaan tenaga dengan cekap, Kerajaan sedang menggubal satu Pelan Induk Kecekapan Tenaga Negara yang mengandungi Dasar Kecekapan Tenaga dan Pelan Induk Kecekapan Tenaga yang akan menjadi pemangkin untuk penggunaan tenaga secara lestari. Beberapa inisiatif kecekapan tenaga telah dikenal pasti di bawah Pelan Induk Kecekapan Tenaga yang akan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun dari tahun 2011 ke tahun 2020. Pelaksanaan Pelan ini dijangka dapat mengurangkan penggunaan tenaga sehingga 85 Terawatt-jam dengan anggaran pengurangan gas karbon dioksida sebanyak 70 juta ton CO₂ equivalent (tCO₂e).

Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan juga akan melaksanakan inisiatif kecekapan tenaga di bawah Program Transformasi Ekonomi atau dengan izin, *Economic Transformation Programme* (ETP). Di bawah program ini, sebanyak

lima (5) inisiatif utama telah dikenal pasti dibawah pelaksanaan strategi *Entry Point Project 9* atau EPP9 iaitu:

- i. Kerajaan akan memimpin melalui teladan dalam amalan dan falsafah kecekapan tenaga (*Leadership by Example*);
- ii. Merangsang jualan peralatan cekap tenaga (*new energy efficient appliances*);
- iii. *Co-generation*;
- iv. Penetapan supaya bangunan ditebat dengan lebih baik (*Building Insulation*); dan
- v. Merangsang penjualan kenderaan yang cekap tenaga.

Tuan Yang Dipertua,

Dengan perkembangan teknologi masa kini, kecekapan tenaga lampu telah diperingkatkan melalui penggunaan pelbagai lampu cekap tenaga seperti lampu jenis *fluorescent tube T5*, *Compact Fluorescent Lamps (CFL)* dan lampu *Light Emitting Diode (LED)*. Penggunaan lampu cekap tenaga jenis LED di bangunan Kerajaan sedia ada belum diwajibkan tetapi amat digalakkan dan dilaksanakan mengikut inisiatif sendiri. Sebagai contoh, Bangunan *Low Energy Office (LEO)* yang menempatkan Kementerian saya yang direkabentuk mengikut konsep penerapan kecekapan tenaga telah menggunakan lampu LED untuk mencahaya bilik-bilik mesyuarat utama.

Pada masa kini, Kerajaan sedang meneliti dan mengkaji dengan terperinci cadangan pelaksanaan pencahayaan jalan menggunakan lampu LED melalui

model *Private Finance Initiative* (PFI) supaya projek ini berdaya maju dan tidak membebankan Kerajaan dari segi kewangan. Usaha penjimatan elektrik menerusi penggunaan peralatan cekap tenaga amat digalakkan kerana ia dapat menjimatkan sumber bekalan elektrik dan menyumbang kepada keselamatan bekalan di negara ini. Bagi sektor pencahayaan jalan, penggunaan lampu yang cekap tenaga seperti lampu LED akan menjimatkan penggunaan elektrik dan juga memberi impak kepada usaha mengurangkan pembebasan gas rumah hijau yang dikenal pasti sebagai faktor utama menyumbang kepada fenomena pemanasan global.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUANLOKE SIEW FOOK

KAWASAN : RASAH

TARIKH : 28 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOKK (RASAH) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah plaza tol yang baru untuk Seremban akan dibina, jumlah peruntukan untuk projek tersebut dan

SOALAN NO.:

sumber peruntukan untuk projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sedar dan mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik di plaza tol Seremban, khususnya pada waktu puncak dan musim cuti umum. Sehubungan itu, kementerian ini telah merancang untuk membina sebuah lagi persimpangan baru bagi menampung keperluan trafik ke bandar Seremban ekoran dari kesesakan yang sering berlaku di Persimpangan Bertingkat Seremban yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini sememangnya merupakan antara projek berkeutamaan tinggi dan terdapat keperluan yang mendesak untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10. Anggaran kos bagi tujuan pembinaan persimpangan bertingkat baru itu

termasuk skop kerja lain yang berkaitan ialah sebanyak RM160 juta. Pada masa kini draf Memorandum Jemaah Menteri mengenai cadangan pelaksanaan projek berkenaan, termasuk penentuan kaedah pembiayaan projek sedang di peringkat akhir untuk dimuktamadkan. Memorandum tersebut dijangka akan dibentangkan untuk pertimbangan Kerajaan selewat-lewatnya pada bulan Mei 2011.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA
BELAS, TAHUN 2011 DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK HAJI YUSOFF BIN

HAIJ MAHAL (LABUAN)

TARIKH

28.3.2011

SOALAN

49

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah cadangan untuk membina sebuah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Labuan kerana para pelajar di Labuan sebelum ini perlu ke Sabah untuk memasuki maktab tersebut dan kawasan Parlimen sekitarnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat berterima kasih dan menghargai keprihatinan Yang Berhormat dalam usaha menyediakan pendidikan berkualiti kepada pelajar-pelajar khususnya di Labuan. Sesungguhnya hasrat ini adalah selari dengan matlamat Kementerian. Sehubungan itu,

MARA telah pun membuat kajian awal bagi mengenalpasti keperluan pembinaan MRSM di Labuan.

Hasil kajian menunjukkan bagi pengambilan pelajar tahun 2011, MARA telah menerima 15 borang permohonan dari pelajar-pelajar Labuan untuk Tingkatan 1 dan daripada jumlah tersebut, seramai 8 pelajar yang layak telah ditawarkan ke MRSM. Bagi kemasukan ke Tingkatan 4 pula, MARA juga telah menerima 14 borang permohonan, namun begitu hanya seorang pelajar yang layak telah ditawarkan ke MRSM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua (2) buah MRSM yang beroperasi di Negeri Sabah iaitu sebuah (1) di Kota Kinabalu dan sebuah (1) lagi di Tawau. Berdasarkan rekod, kedua-dua MRSM berkenaan sehingga kini masih belum mencapai kapasiti pelajar sepenuhnya. Daripada 1,500 pelajar yang boleh ditampung oleh kedua-dua buah MRSM tersebut, hanya 1,324 pelajar sahaja yang telah diisi iaitu mewakili 88% sahaja dari kapasiti sebenar.

Pada masa yang sama, terdapat sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Labuan iaitu Sekolah Menengah Sains Labuan yang mempunyai kapasiti 800 pelajar. Sekolah ini juga masih belum mencapai kapasiti sepenuhnya. Berdasarkan rekod pelajar pada tahun 2010, pengisian pelajar di SBP tersebut adalah 410 pelajar iaitu hanya 51% sahaja daripada kapasiti sebenar.

Sehubungan dengan itu, berasaskan faktor-faktor di atas pembinaan MRSM Labuan buat masa ini adalah dianggap kurang mendesak. Pertimbangan ini juga adalah selaras dengan keputusan Unit Perancang Ekonomi (UPE) yang memberi fokus kepada pelaksanaan projek sambungan dan projek Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di dalam RMKe-10.

SJ.B/(58)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA DR. RAM AS AMY A/L P ALAN IS AMY

(BATU KAWAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 28.03.2011

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan untuk menjual Pelabuhan Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sememangnya berupaya untuk menguruskan pelabuhan tersebut dengan lebih efisien sehingga dapat memperoleh keuntungan lumayan bagi semua pihak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa Ucapan Bajet 2010, YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah memaklumkan bahawa inisiatif Gelombang Kedua Penswastaan bagi syarikat-syarikat Kerajaan adalah bertujuan untuk mengurangkan penglibatan Kerajaan secara beransur-ansur dalam aktiviti perniagaan di samping mengurangkan kebergantungan kewangan kepada Kerajaan. Antara syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang berpotensi dan dikenal pasti untuk diswastakan adalah Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB). Ini bermakna, cadangan Kerajaan Negeri



28/3/11

Pulau Pinang untuk mengambil alih PPSB adalah tidak selaras dengan tujuan berkenaan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat jua, sehingga kini Kementerian Kewangan sedang meneliti beberapa kertas cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang yang diterima daripada pelabur asing dan tempatan. Dalam hal ini, Kerajaan akan memilih cadangan yang terbaik kepada semua *stakeholders*, supaya kecekapan operasi Pelabuhan Pulau Pinang dapat mempertingkatkan selain menjadikannya sebagai sebuah Pelabuhan yang lebih berjaya dan cemerlang di rantau ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang]

PERTANYAAN

LISAN

28 Mac 2011 (Isnin)

DARIPADA TARIKH

SOALAN PERDANA MENTERI Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta menyatakan tahap prestasi NKRA bagi Kerajaan Malaysia bagi tiga bulan pertama tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lalu dan apakah misi ini kini telah mendapat sokongan sepenuhnya kakitangan Kerajaan. Apakah langkah-langkah yang telah di ambil Kerajaan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian Kerajaan.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)

Seperti yang sedia maklum, Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) merupakan dua (2) tonggak untuk menjayakan Gagasan 1 Malaysia, “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.” Dengan menggunakan pengurusan prestasi yang baru, seperti kaedah makmal dan petunjuk prestasi utama (KPI), GTP dilaksanakan mulai bulan Oktober 2009 dengan mengenalpasti dan memacu penyampaian enam (6) NKRA, manakala ETP telah dilancarkan pada bulan Oktober 2010 dengan pelaksanaan 12 NKEA yang telah dikenalpasti.

Seperti yang diamalkan oleh kebanyakan syarikat korporat atau badan berkanun dan agensi kerajaan, prestasi sukutahun (quarter atau Q) biasanya hanya dapat dilaporkan dua (2) hingga tiga (3) bulan selepas sukutahun yang berkenaan. Ini adalah kerana masa diperlukan untuk mengutip, menyemak dan menganalisa semua angka yang berkaitan. Oleh itu, tahap prestasi NKRA bagi suku tahun pertama, iaitu Quarter 1 (01) atau tiga (3) bulan pertama bagi tahun ini hanya dapat diperolehi mulai bulan Mei tahun ini. Ianya akan dipanjangkan

kepada YB Dato' Sri kelak.

Walau bagaimanapun, seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa melancarkan Laporan Tahunan 2010 Program Transformasi Kerajaan (GTP) semalam, iaitu, 27 Mac 2011, hampir semua sasaran atau Key Performance Indicators (KPI) bagi setiap dari enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) telah mencapai atau melebihi sasaran yang telah ditetapkan untuk tahun 2010, berbanding dengan kedudukan pada tahun 2009 yang dijadikan sebagai asas rujukan dan pemantauan. Sebenarnya, sepanjang tahun 2010 laporan bagi setiap sukutahun telah diketengahkan secara telus dan terus kepada rakyat jelata melalui kenyataan oleh menteri peneraju yang berkenaan serta laporan dan iklan yang dipamerkan oleh PEMANDU dari masa ke semasa.

Pada amnya, pelaksanaan GTP telah mendatangkan impak positif terhadap dan mendapat sambutan baik daripada para penjawat awam. Sememangnya, kaedah makmal melibatkan para pegawai kanan, pemimpin sektor swasta, pakar runding dan akademik untuk bersama-sama membuat penganalisaan, perancangan dan penggubalan strategi dan program yang berkesan untuk membawa faedah bagi rakyat dalam pelbagai bidang keberhasilan. Selanjutnya, para penjawat awam dari semua kementerian atau agensi kerajaan yang berkenaan dilibatkan dengan secara langsung dan adanya secara besar-besaran, khasnya bagi NKRA pendidikan dan NKRA jenayah. Proses ini telah mulai menjanakan inovasi, perubahan minda dan budaya kerja yang baru di kalangan penjawat awam serta mendorong transformasi perkhidmatan awam ke arah prestasi tinggi dan cemerlang.

Antara hasil awalannya ialah, pertama, penggubalan dan pelaksanaan strategi untuk menambahbaik pentadbiran kerajaan, menyelesaikan masalah

rakyat dan meningkatkan penjanaan ekonomi telah menjadi lebih berfokus dan spesifik mengikut petunjuk-petunjuk tertentu sebagai sasaran untuk dicapai. Pengurusan sumber manusia, kewangan dan kebendaan pun menjadi lebih cekap dan tepat.

Kedua, kaedah makmal menggalak dan menjanakan perkongsian pandangan, pengetahuan, pengalaman, mahupun sumber, di mana tembok pemisah yang wujud di antara agensi-agensi kerajaan, serta di antara sektor awam dan sektor swasta dapat dipecah atau diturunkan untuk kerjasama yang lebih erat supaya menghasilkan sinergi.

Ketiga, pengurusan nilai atau *value management* sedang diamalkan yang mengutamakan *value for money* atau nilai yang berbaloi, dengan tumpuan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan impak. Proses perolehan telah juga menjadi lebih telus dan keberkesanan tindakan terhadap rasuah telah meningkat.

Keempat, karenah birokrasi telah dapat terus dikurangkan. Sebenarnya, GTP merupakan kesinambungan kepada inisiatif-inisiatif yang telah diusahakan oleh JPA, ICU dan MAMPU sebelum ini, seperti amalan TQM, ISO, Piagam Pelanggan, pelbagai aplikasi e-kerajaan dan kerjasama erat dengan sektor swasta melalui PEMUDAH.

Yang penting sekali ialah komitmen pucuk pimpinan untuk memberi tumpuan yang berfokus supaya memacu segala inisiatif ini, oleh YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri, para menteri dan ketua agensi, yang mengadakan mesyuarat berjadual yang kerap untuk memantau kemajuan perlaksanaan NKEA dan NKRA, di samping memberi arahan untuk menyelesaikan kekangan dan masalah secara pantas.

Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa walaupun dilaksanakan hanya lebih

setahun, GTP terbukti mulai berhasil setakat ini, termasuk mempertingkatkan lagi sistem penyampaian kerajaan. Walau bagaimanapun, tumpuan yang lebih berfokus dan usaha yang lebih gigih masih terus diperlukan sebelum kita dapat mencapai transformasi perkhidmatan awam pada keseluruhannya untuk memacu sasaran-sasaran negara maju pada tahun 2020.

SOALAN NO: 52

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|--------------|--|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK] |
| TARIKH | 28 MAC 2011 (ISNIN) |
| SOALAN | DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan status terkini rancangan pengagihan beras bersubsidi yang telah dilaksanakan dengan mengeluarkan kupon kepada rakyat yang berhak. |
| JAWAPAN OLEH | Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI |

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan semula Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR) akan menggunakan pakai dua senarai utama iaitu melalui senarai e-Kasih dan senarai yang dikemukakan Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP). Melalui senarai e-Kasih di bawah Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (UPP, JPM) jumlah penerima yang telah dikenal pasti sehingga 2 Januari 2011 adalah lebih kurang 231,755 ketua isi rumah manakala senarai pemohon yang telah diterima melalui 222 urus setia MPPP sehingga 8 November 2010 adalah berjumlah 524,765 orang. Walau bagaimanapun, daripada jumlah ini seramai 73,654 pemohon dikesan telahpun tersenarai dalam

sistem e-Kasih. Ini menjadikan jumlah pemohon melalui urus setia MPPP sebanyak 451,111 orang.

Selain daripada itu, jumlah sebenar penerima belum dapat dimuktamadkan kerana didapati terdapat pemohon menghantar permohonan lebih daripada satu kali dan juga terdapat ahli keluarga yang lain seperti isteri atau anak yang turut menghantar permohonan yang sama (dikesan melalui penggunaan alamat rumah yang sama). Perlu difahami bahawa pemberian bantuan ini adalah melalui ketua keluarga dan bukannya secara individu. Keadaan ini menyebabkan senarai penerima bantuan SUBUR tidak dapat dimuktamadkan dalam masa yang singkat.

NO SOALAN:53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|------------|------------------------------|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | DATO' LILAH BIN YASIN |
| TARIKH | 28 MAC 2011 |
| SOALAN | |

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- a) Apakah kejayaan Program FELDA sebagai gedung makanan dunia; dan
- b) Sejauh manakah kejayaan program ini di Gugusan FELDA Raja Alias Jempol.

| | |
|---------|---|
| JAWAPAN | DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JPM |
|---------|---|

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Seperti Yang Berhormat sedia maklum Gedung Makanan Negara (GMN) dilancarkan oleh Kerajaan pada Julai 2009 yang lalu bertujuan meningkatkan bekalan makanan negara dan mengurangkan perbelanjaan import. Matlamat akhir Kerajaan ialah melahirkan seberapa ramai petani moden di kalangan warga FELDA melalui penggunaan teknologi baru di dalam projek-projek yang dijalankan seperti penggunaan struktur pelindung tanaman (SPT), sistem fertigasi, pengudaraan *Aerotube*, fidlot, integrasi tanaman dan sebagainya. Projek GMN menumpukan kepada beberapa produk iaitu penanaman pisang berangan dan cavendish, ternakan ikan tilapia, ternakan lembu secara fidlot, tanaman cili fertigrasi dan rock melon.

Kesemua projek yang dinyatakan telah dijalankan secara berperingkat mulai Oktober 2009 melibatkan 366 pengusaha. Sejumlah RM7.4 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan kesemua projek GMN ini. Sehingga kini terdapat projek-projek yang telah mendatangkan hasil iaitu penanaman pisang berangan, ternakan ikan tilapia dan lembu fidlot yang hasil jualannya berjumlah

RM822.292. Pendapatan yang diperolehi daripada kesemua projek GMN ini memberi pulangan kepada pengusaha secara purata RM1.600 sebulan.

Permintaan bagi pisang berangan adalah menggalakkan dan ia ditanam di kawasan kebun peneroka yang ditanam semula. Bagi tanaman cili fertigrasi dan rock melon, ia belum mendatangkan hasil dan dijangka pendapatan akan diperoleh pada suku tahun kedua 2011. Hasil jualan melalui projek GMN ini dipasarkan di pasaran tempatan melalui FAMA.

Dua (2) buah projek lagi dijangka dilaksanakan melalui projek GMN iaitu penanaman nenas dan rumpai laut. Bagi projek tanaman nenas ia dilaksanakan dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia manakala projek rumpai laut pula akan dilaksanakan di persisiran pantai timur Negeri Sabah.

b) Bagi Wilayah Raja Alias, mengikut perancangan, projek ternakan bebiri akan dilaksanakan di kawasan Jempol. Namun begitu projek ini terpaksa dipindahkan ke FELDA Titi berikutan masalah teknikal. Bagi menggantikan projek berkenaan, Kerajaan telah mengenalpasti kawasan

di Parlimen Jempol sesuai dilaksanakan projek tanaman nenas. Berdasarkan kepada cadangan, projek ini akan dilaksanakan di lima (5) buah kawasan di dalam Parlimen Jempol iaitu FELDA Palong 9,10,11,12 dan 13 membabitkan peruntukan berjumlah RM16.2 juta. Secara keseluruhan, projek ini akan dimajukan di kawasan seluas 1,099 hektar dengan 274 pengusaha.

SOALAN NO.54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB.
RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]

TARIKH 28 MAC 2011

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak SPR dan Kerajaan bersungguh-sungguh untuk menggantikan sistem undi pos tentera dan poiis yang diamalkan sekarang dengan sistem Pengundian Awal (*Advance Voting*) sebelum PRU Ke-13.

SOALAN N0.54

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR hanya mengesyorkan tentang keperluan mengkaji keberkesanan sistem pengundian awal sebagai salah satu inisiatif penambahbaikan yang mungkin dapat melengkapkan lagi sistem undi pos, yang juga merupakan salah satu daripada sub-sistem dalam sistem pengundian awal, yang bertujuan untuk membolehkan pengundi berdaftar mengundi lebih awal.

Ini berdasarkan kepada tinjauan SPR, pada hari pilihan raya diadakan, secara hakikatnya, tidak semua pengundi berdaftar dapat membuang undi kerana terikat dengan komitmen lain kerana tugas yang perlu dilakukan pada hari tersebut dan sebagainya walaupun pada dasarnya mereka mempunyai hak di sisi Perlembagaan. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab SPR untuk mencari jalan

SOALAN NO.54

bagi membolehkan mereka mengundi.

Pada masa ini, mengikut peruntukan Undang-undang yang diguna pakai, seperti yang telah diperuntukkan oleh Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 dan yang telah digubal berdasarkan Perkara 119 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan, anggota polis dan tentera serta pasangan masing-masing selain pelajar dan pegawai kerajaan yang berada di luar Negara, menqundi (awaO secara pos.

Bagaimanapun, selepas mengkaji kesesuaianya nanti, SPR akan mencadangkan agar kemudahan diberikan kepada pengundi-pengundi pos tentera dan polis untuk menqundi lebih awal sehari atau dua hari sebelum Hari Menqundi dan dijalankan seperti pengundian biasa di mana-mana pusat mengundi yang akan ditentukan oleh SPR, berhampiran dengan kem-kem bagi tentera bagi ATM; atau Ibu Pejabat Polis Kontinjen, atau Ibu Pejabat Polis Daerah bagi PDRM. Proses pengundian akan dilaksanakan oleh petugas-petugas yang akan dilantik oleh SPR dengan dibantu oleh anggota tentera dan polis.

SOALAN NO.54

Manakala bagi perkhidmatan-perkhidmatan penting (*essential services*) yang lain, akan turut dimasukkan ke dalam kategori kumpulan yang layak melakukan pengundian awai sekiranya kajian SPR mendapati ia boleh dilaksanakan mengikut peruntukan Undang- undang.

Ketika ini, SPR masih melihat secara terperinci kaedah dan proses serta undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan sistem itu dan berharap dapat mengemukakan cadangan mengenai sistem itu kepada Kerajaan, selepas dipersetujui di peringkat Suruhanjaya sebelum dimuktamadkan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

JAWAPAN:

DARIPADA Y.B. DATO¹ SERI ONG KA CHUAN

KAWASAN TANJONG MALIM

TARIKH : 28 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN:

**Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM) minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan:**

- (a) punca yang menyebabkan projek pembinaan jalan baru dari Kuala Slim ke Felda Gunung Besout yang sepatutnya siap pada tahun 2010 telah terhenti pembinaannya pada tahun 2009; dan

- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk meneruskan pembinaan projek ini dan bilakah projek ini dijangka akan dapat disiapkan.

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Membina jalan Baru dari Kuala Slim (A134) ke Felda Besout 1, Batang Padang, Perak merupakan projek di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang dilaksanakan di bawah pengawasan jabatan Kerja Raya

JAWAPAN:

(jKR). Projek pembinaan jalan baru sepanjang 22.9 kilometer dengan nilai kontrak sebanyak RM46.65 juta ini telah dimulakan pada 16 julai 2008 dan sepatutnya siap dalam tempoh 24 bulan, iaitu pada 15 julai 2010. Sehingga 20 Mac 2011, kemajuan kerja di tapak ialah 87% berbanding 96.5% mengikut jadual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah mengalami kelewatan berikutan terdapat isu pertikaian yang melibatkan kuantiti item di dalam dokumen kontrak. Walau bagaimanapun, perkara ini telah pun diselesaikan dan jKR bersetuju untuk memberikan kelulusan Tempoh Lanjutan Masa (EOT), iaitu sehingga 8 April 2011 kepada kontraktor berkenaan. Pada masa kini pelaksanaan kerja-kerja fizikal projek sedang giat dijalankan di tapak bina. Sehubungan itu berdasarkan jadual kerja yang telah dipinda, projek ini dijangka siap pada 8 April 2011 dan ia akan diserahkan kepada Agensi Pelanggan (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah) pada 16 julai 2011.

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 21

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN
TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG]**

DARIPADA 28 MAC 2011
 3418

TARIKH
RUJUKAN SOALAN:

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

- (a) berapa buah negarakah Kerajaan Malaysia mempunyai kerjasama dalam usaha membanteras penyeludupan manusia dalam jenayah rentas sempadan; dan**

- (b) berapakah agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memainkan peranan dan usaha mencegah penyeludupan manusia ini.**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Machang yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak Kerajaan sememangnya melaksanakan pelbagai usaha bagi membanteras gejala pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia dalam kegiatan jenayah rentas sempadan terutamanya di peringkat antarabangsa. Ini termasuklah dengan mengadakan kerjasama antarabangsa dengan negara luar seperti Australia, Amerika Syarikat, Belanda, United Kingdom, Indonesia dan Thailand. Negara juga turut bekerjasama dengan beberapa pertubuhan antarabangsa seperti *International Organization for Migration* (IOM), *The Center for the Protection of Children's Rights Foundation* (CPCR), *United Nation Inter Agency Project on Human Trafficking* (UNIAP) dan lain-lain. Skop kerjasama yang dijalankan merangkumi antaranya aspek-aspek seperti perkongsian dan pertukaran maklumat serta risikan termasuk latihan bina upaya dalam bidang penguatkuasan, pendakwaan, pengurusan rumah-rumah perlindungan dan pemulihan mangsa-mangsa pemerdagangan orang. Selain daripada berkerjasama dengan pertubuhan antarabangsa, Kerajaan juga turut bekerjasama dengan

pertubuhan tempatan seperti Archdiocesan Human Development Committee (AHDC). Dalam pada itu, terdapat beberapa faktor yang menunjukkan Kerajaan sangat komited untuk melaksanakan usaha-usaha di peringkat antabangsa yang mana antaranya adalah:-

a. Memorandum Persefahaman

Kerajaan Malaysia telah mengemukakan draf balas Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dengan Kerajaan Thailand dan Cambodia. MoU ini meliputi kerjasama dalam menangani jenayah pemerdagangan orang secara khusus termasuk aspek bina upaya, perkongsian maklumat serta kerjasama di antara agensi penguatkuasaan.

b. Kerjasama dengan Kerajaan Republik Indonesia

Semasa *Annual Consultation* di antara Malaysia dan Indonesia, YAB Perdana Menteri dan TYT Presiden Indonesia bersetuju supaya satu kerjasama di antara ke dua negara dalam menangani jenayah pemerdagangan orang perlu diadakan segera.

c. Kumpulan Kerja Malaysia-Australia mengenai Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Manusia

Sehingga kini dua mesyuarat Kumpulan Kerja ini telah diadakan di Kuala

Lumpur dan Sydney, Australia bagi membincangkan usaha-usaha dalam menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia yang melibatkan kedua negara. Agensi-agensi penguatkuasaan kedua-dua negara dapat berbincang, berkongsi maklumat dan menjalankan latihan bersama hasil dari mesyuarat kumpulan kerja ini.

- d. Memorandum Persefahaman Pengambilan Pekerja Asing Pada ketika ini terdapat 14 buah negara sumber yang dikenalpasti dalam membekalkan tenaga kerja asing ke negara ini. Dari jumlah ini, hanya 7 buah negara sahaja yang menandatangani Moll dengan Kerajaan Malaysia iaitu:
1. Indonesia
 2. Thailand
 3. Vietnam
 4. Pakistan
 5. Sri Lanka
 6. Bangladesh
 7. China

Penggunaan sistem pendaftaran biometrik juga akan diperkenalkan bagi merekodkan kemasukan pekerja warga asing ke negara ini. Ini merupakan satu kaedah kawalan bagi memastikan pekerja warga asing yang memasuki negara ini

adalah yang benar-benar sah.

Di samping itu juga, bagi memastikan keberkesanan dari aspek penguatkuasaan, Kerajaan telah melaksanakan program-program bina upaya (*capacity building*) untuk memperkasa pegawai-pegawai penguatkuasa. Kursus-kursus yang diberikan adalah merangkumi aspek penguatkuasaan, pendakwaan dan perlindungan serta pemulihan mangsa. Taklimat serta risalah mengenai jenayah ini juga telah diedarkan kepada petugas-petugas di Kompleks-kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin di sempadan. Ini adalah penting teruntamanya bagi pegawai-pegawai penguatkuasa yang menjaga di setiap pintu masuk ke dalam negara untuk menghalang daripadanya berlakunya gejala pemerdagangan orang.

SJ.B/(52)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN
 OSMAN (LIPIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 28.03.2011

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah pelaburan yang telah

dilaksanakan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) di luar negara dan senaraikan projek-projek dan kepentingannya untuk negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, majoriti pelaburan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) adalah dalam pelbagai sektor dan industri dalam negara. Sungguhpun demikian, beberapa GLC utama telah memperluaskan skop pelaburan masing-masing ke luar negara, selari dengan usaha syarikat ini untuk meningkatkan keberuntungan serta nilai pemegang saham masing-masing.

2. Di antara sektor luar negara dimana GLC Malaysia melabur adalah telekomunikasi, perbankan, pengurusan lapangan terbang, automotif, pembinaan dan utiliti. Negara yang terlibat adalah United Kingdom, Turki, Arab Saudi, India, Thailand, Indonesia, Singapura, Kemboja dan Vietnam.

3. Di antara GLC yang mempunyai pelaburan luar negara adalah Axiata Group Bhd (Axiata) dengan pelaburan utama berjumlah RM13,554 juta, CIMB Group Holdings Bhd (CIMB Group) berjumlah RM8,005.7 juta, Sime Darby Bhd berjumlah RM2,000 juta dan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) berjumlah RM350.87 juta.

4. Setiap pelaburan yang dilakukan oleh GLC di luar negara telah mengambil kira kepentingan komersial dan strategik kepada negara. Di antaranya termasuk:

- i. Meningkatkan nama Malaysia di peringkat serantau/dunia
 - Axiata merupakan salah sebuah syarikat telekomunikasi terbesar di rantau ini yang menumpukan operasi di wilayah berpotensi tinggi serta pasaran yang meningkat naik. Axiata memegang kepentingan utama di beberapa syarikat telekomunikasi mudah alih di Malaysia, Indonesia, Sri Lanka, Bangladesh dan Kemboja serta kepentingan strategik di India, Singapura dan Iran. Axiata mempunyai kira-kira 150 juta orang pelanggan di rantau Asia dan operasinya memanfaatkan kira-kira 1.5 bilion orang di 10 buah negara dan menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 25,000 orang. Matlamat Axiata adalah untuk menjadi GLC bertaraf jaguh serantau menjelang tahun 2015.
 - Dalam tempoh lima tahun yang lepas, CIMB Group telah menjadi sebuah bank universal terulung di rantau Asia Tenggara. Kejayaan ini dipacu oleh operasi perbankan penggunanya di Malaysia, sinergi antara pelbagai bahagian perniagaannya serta peningkatan sumbangan daripada PT Bank CIMB Niaga. Strategi pengembangan operasi antarabangsanya telah

membawa manfaat kepada negara. Melalui pelaburannya di Indonesia, Thailand dan Singapura, CIMB Group telah mewujudkan sebuah jenama tempatan yang lebih dikenali dan dipercayai di peringkat serantau, sekaligus menyumbang kepada peningkatan kredibiliti jenama-jenama Malaysia yang lain di luar negara. Matlamat CIMB Group adalah untuk menjadi GLC bertaraf jaguh serantau menjelang tahun 2015.

- ii. Meningkatkan penglibatan GLC dalam projek-projek pembangunan infrastruktur strategik di luar negara
 - UEM Group Bhd mempunyai pelaburan kira-kira RM933 juta dalam empat projek lebuhraya di

India dan Indonesia, di samping pelaburan lain berjumlah RM284 juta dalam pelbagai sektor termasuk pembinaan, pengurusan projek dan pengurusan kemudahan di UAE, Qatar, Afrika Selatan, United Kingdom, New Zealand dan Kanada. Pelaburan-pelaburan ini mempertingkatkan kehadiran kepentingan negara di negara-negara berkenaan.

- Tenaga Nasional Bhd bersama Khazanah Nasional Berhad dan Malakoff telah melabur dan seterusnya memegang sejumlah 30% kepentingan dalam loji tenaga dan penyahgaraman (IWPP) Shuaibah di Arab Saudi. Projek tersebut merupakan pertama seumpamanya di Arab Saudi dan telah menerima pelbagai pengiktirafan dan anugerah, sekali gus mencerminkan kewibawaan syarikat-syarikat dari Malaysia.

Memberi pendedahan dan peluang kepada kontraktor dan pembekal tempatan untuk menyertai projek pembangunan yang dilakukan oleh GLC

- MAHB yang menguruskan empat lapangan terbang di luar negara telah menganugerahkan pelbagai kontrak di lapangan terbang tersebut kepada syarikat dari Malaysia seperti operator tempat letak kereta, operator pembersihan dan penyelenggaraan, sekolah latihan juruterbang,

Airframe Maintenance, Repair and Overhaul (MRO) dan kontraktor Sistem Pengurusan Fasiliti.

iv. Menyokong operasi GLC lain di luar negara

- Chemical Company of Malaysia Bhd telah melabur RM62.8 juta dalam sebuah loji baja di Medan, Indonesia bagi menyokong operasi perladangan yang dijalankan oleh Sime Darby Bhd dan TH Plantations Bhd.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 28 MAC 2011 (ISNIN)
SOALAN:

Tuan Lim LipEng [Segambut] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah insentif dalam bentuk kewangan, tajaan, promosi, anugerah dan lain lain yang akan diberi kepada JessLee Kar Wei yang telah membanggakan Malaysia di pentas dunia dengan memenangi pertandingan nyanyian OneMillionStar (SuperstarAvenue) di Taiwan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kemenangan JessLee Kar Wei di dalam pertandingan nyanyian OneMillionStar (SuperstarAvenue) di Taiwan baru-baru ini sememangnya amat membanggakan Malaysia. Pertandingan yang diadili seratus peratus oleh juri profesional inimunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai bakat yang besar di dalam seni suara dan ini terbukti dengan kejayaan JessLeeuntuk mendapatkan markah penuh sebanyak empat kali di dalam pertandingan tersebut. Atas kejayaan beliau ini juga, beliau telah memenangi NT1 juta yang bersamaan

SOALAN NO : 58

dengan RM100,000 dan mendapat tawaran kontrak menghasilkan album dengan WarnerMusicGroup.

Sebagai juara pertandingan tersebut, KPKK amat berbesar hati untuk melibatkan beliau di dalam program-program ram-kebangsaan anjuran KPKK pada masa akan datang.

SJ.B/(53)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ

[SERI GADING]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.03.2011

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Seri Gading] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah subsidi yang diperuntukkan oleh pihak Kerajaan kepada rakyat bagi bahan bakar, gas memasak dan bahan makanan setiap isi rumah sepanjang tahun 2008 hingga 2010 dan berapakah anggaran subsidi bagi tahun 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perbelanjaan bagi subsidi bahan bakar iaitu petrol, diesel dan LPG (gas memasak) serta bahan

makanan bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut:

| Bil. | Subsidi | Perbelanjaan | | | Kadar Subsidi Semasa |
|------|--|---------------|--------------|--------------|---|
| | | 2008 | 2009 | 2010 | |
| 1. | Subsidi Bahan Api [Petrol, Diesel dan LPG (Gas Memasak)] | RM17.5 bilion | RM6.2 bilion | RM9.6 bilion | Petrol RON95: 75 sen/liter Diesel 97 sen/liter LPG RM 1.53/kg |

| Bil. | Subsidi | Perbelanjaan | | | Kadar Subsidi Semasa |
|--------|--|----------------|---------------|----------------|--|
| | | 2008 | 2009 | 2010 | |
| 2. | Subsidi Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS) | RM438 juta | | RM828 juta | RM2.10/kg |
| 3. | Subsidi Gula | | RM720 juta | RM708.2 juta | 40 sen/kg |
| 4. | Subsidi Beras (ST15) | RM591.7 juta | RM440.9 juta | RM287.9 juta | 55 sen-60 sen/kg (<i>mengikut zon</i>) |
| 5. | Subsidi Tepung Gandum (Kegunaan Am) | RM233.5 juta | RM136.3 juta | RM88.2 juta | 45 sen/kg |
| 6. | Subsidi Roti | RM62.1 juta | RM75 juta | | 24 sen-32 sen/kg (<i>kadar tahun 2009</i>) |
| Jumlah | | RM18.88 bilion | RM7.56 bilion | RM11.52 bilion | |

2. Secara umumnya, pemberian subsidi membolehkan Kerajaan mengawal dan menetapkan harga barang tertentu seperti bahan api, gula dan tepung gandum di bawah harga pasaran. Sebahagian besar subsidi disalurkan kepada pengeluar/pengilang/syarikat bagi membiayai sebahagian daripada kos mengeluarkan barang tersebut. Kos yang diserap oleh Kerajaan ini membolehkan harga yang dikenakan kepada pengguna berada di bawah harga pasaran.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, subsidi yang disediakan oleh Kerajaan merupakan pemberian yang secara langsung atau tidak langsung memberikan manfaat akhir kepada isi rumah yang merupakan pengguna kepada barang bersubsidi. Dalam hal ini, isi rumah yang banyak menggunakan barang bersubsidi ini akan menikmati manfaat yang lebih iaitu melalui jumlah penjimatan yang diperoleh daripada perbezaan harga barang bersubsidi berbanding harga pasaran sebenar.
4. Bagi tahun 2011, peruntukan asal yang disediakan bagi membiayai

pelbagai subsidi adalah berjumlah RM14.7 bilion. Sebahagian besar daripada jumlah ini iaitu RM11.75 bilion adalah untuk membiayai subsidi bahan api dan makanan. Selain daripada subsidi, Kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM400.5 juta untuk pemberian insentif dan RM8.6 bilion untuk program bantuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]

TARIKH JAWAPAN

28 MAC 2011 (ISNIN)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

NO. 60

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN Air menyatakan:-

- (a) butir-butir terperinci bagi subsidi gas asli yang diberikan kepada semua *Independent Power Producers* (IPP) antara 2004 dan 2011; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk mengalihkan sebahagian subsidi tersebut untuk menampung beban harga minyak dan petrol yang dihadapi oleh rakyat sekarang.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

No: 61

Kerajaan tidak pernah memberikan subsidi yang dikeluarkan secara langsung dalam bentuk kewangan kepada penjana kuasa bebas atau *independent power producers* (IPP). Sebaliknya, Kerajaan telah memberikan subsidi kepada sektor

elektrik dalam bentuk harga gas yang rendah yang akhirnya akan dinikmati oleh rakyat dalam bentuk tarif elektrik yang berpatutan. Kerajaan telah menetapkan harga gas pada kadar RM6.40/mmBtu yang berkuat kuasa semenjak Mei 1997 dan dinaikkan kepada RM14.31/mmBtu pada tahun 2008. Berdasarkan trend penurunan dalam harga minyak di pasaran antarabangsa, mulai 1 Mac 2009, harga gas kepada sektor elektrik telah dikurangkan kepada RM10.70/mmBtu sehingga sekarang.

Jumlah subsidi gas bagi Sektor Elektrik yang merangkumi penjana kuasa bebas dan TNB sejak mula diperkenalkan pada Mei 1997 sehingga tahun 2010 adalah berjumlah sebanyak RM96.726 bilion.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Di samping itu, setiap IPP diminta untuk menyumbang 1% daripada jumlah hasil tahunan yang diaudit ditolak kos bahan api bagi tahun sebelumnya kepada Dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) untuk tujuan pembangunan industri bekalan elektrik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Harga gas di Malaysia adalah berasaskan harga *Medium Fuel Oil* (MFO), dengan izin. Harga MFO pula dipengaruhi oleh harga minyak mentah di pasaran antarabangsa. Sekiranya harga gas ditetapkan pada kadar yang tinggi tanpa diberikan sebarang subsidi, sudah tentu kos penjanaan elektrik yang mahal akan memberi kesan kepada kadar tarif elektrik yang perlu dibayar oleh rakyat.

Bagi membolehkan tarif elektrik ditetapkan pada harga yang lebih rendah dan tidak membebankan rakyat, Kerajaan sewajarnya meneruskan pemberian subsidi harga gas kepada sektor elektrik kerana elektrik juga merupakan salah satu daripada keperluan asas penduduk di negara ini. Walau bagaimanapun, pemberian subsidi ini akan dikurangkan dari setahun ke setahun sehingga harga gas kepada sektor elektrik akan menyamai harga pasaran. Bagi mengurangkan bebanan rakyat, Kerajaan meminta supaya rakyat mengamalkan amalan kecekapan tenaga dalam kehidupan seharian.

NO. AUM : 7

NO. AUP : Q 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO* ISMAIL BIN KASIM [ARAU]

TARIKH 28 MAC 2011

RUJUKAN 3416

SOALAN:

JAWAPAN:

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta MENTERI DALAM NEGERI

menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam membendung penyalahgunaan pas lawatan pelajar yang semakin berleluasa oleh pendatang asing yang sebenarnya bukan berniat untuk belajar di Malaysia, sebaliknya menggunakan kesempatan tersebut untuk bermiaga, melakukan jenayah dan pelbagai lagi perkara yang memberi kesan negatif kepada warganegara Malaysia, terutama di bandar-bandar besar.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seseorang warga asing yang ingin berada di Malaysia untuk tujuan belajar perlu mendapatkan kebenaran dalam bentuk suatu Pas iaitu Pas Pelajar. Pas ini merupakan kemudahan imigresen yang menunjukkan seseorang warga asing itu telah diterima oleh sebuah institusi pendidikan seperti Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), sekolah-sekolah swasta, persendirian dan antarabangsa, dan dibenarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia untuk masuk dan belajar di institut tersebut.

Isu Pas Pelajar ini adalah merupakan tanggungjawab bersama, di mana pemegang Pas tersebut bertanggungjawab secara langsung untuk memastikan mereka tidak melanggar undang-undang negara sepanjang mereka berada di Malaysia. Pada masa yang sama, pihak

institusi yang menerima pelajar asing tersebut untuk belajar di premis mereka juga bertanggungjawab dan memantau pelajar-pelajar asing ini. Jika tidak, kebenaran institusi untuk mengambil pelajar asing boleh ditarik balik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi Januari 2010 sehingga Disember 2010, sejumlah 114,553 Pas Pelajar telah dikeluarkan kepada warga asing untuk melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), sekolah-sekolah swasta, persendirian dan antarabangsa di seluruh Malaysia.

Bagi membendung penyalahgunaan Pas Pelajar di kalangan warganegara asing di negara ini, Kerajaan telah mengguna pakai beberapa mekanisme pemantauan terhadap kehadiran mereka di Malaysia. Sewaktu kemasukan ke Malaysia, makumat seperti tujuan kemasukan dan alamat perhubungan direkodkan melalui penggunaan kad ketibaan/ pelepasan (*arrival/ departure card*). Bagi warganegara asing yang berada di Malaysia untuk tempoh jangka masa panjang (seperti atas dasas setahun ke setahun), JIM akan melakukan pemantauan apabila warganegara asing ini memperbaharui pas mereka. Ini membolehkan makumat seperti alamat perhubungan, tempat pekerjaan dan lain-lain dapat dikemaskini.

Tuan Yang Di-Pertua,

JAWAPAN:

Beberapa langkah pencegahan melibatkan agensi-agensi Kerajaan berkaitan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia telah dilakukan secara

bersepadu. Antaranya ialah dengan melakukan naziran secara berkala ke institusi-institusi pendidikan terbabit bagi menyemak rekod pelajar-pelajar antarabangsa dan melaksanakan aktiviti penquatkuasaan terhadap warqa asing bagi mengesan mereka yang melakukan penyalahgunaan pas.

KDN juga sentiasa menguatkuasakan undang-undang dengan tegas bagi mempastikan warga asing yang melakukan kesalahan tidak mengulanginya disamping memberi pengajaran kepada yang lain. Dalam hal ini, pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan di bawah Perkara 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 iaitu kesalahan penyalahgunaan pas dan Seksyen 15 (4) Akta Imigresen 1959/63 iaitu kesalahan tinggal lebih masa, akan didenda, disenaraihitamkan, dan dihantar pulang ke negara asal mereka.

SJ.B/(55)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN LIM GUAN ENG**

(BAGAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 28.03.2011


Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jenis tindakan dan jumlah hukuman oleh Bursa Malaysia

ke atas syarikat-syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah. Mengapa Lembaga Pengarah BPA Holdings baru diberikan teguran untuk kesalahan yang dilakukan oleh Lembaga Pengarah lama dan sebabnya tiada tindakan ke atas yang lama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah peruntukan 16.19 Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia (*Listing Requirement*), Bursa Malaysia (Bursa) mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman dan mengambil tindakan ke atas syarikat tersenarai dan pengarah-pengarah syarikat tersenarai yang melanggar peraturan ini. Jenis tindakan yang boleh dikenakan ialah seperti teguran umum atau sulit



28/3/11

A handwritten signature is written over a date stamp. The date stamp reads "28/3/11".

(*public or private reprimand*) dan denda tidak melebihi RM1 juta. Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap syarikat tersenarai sahaja atau syarikat tersenarai berserta pengarah syarikat tertakluk kepada fakta-fakta kes serta jenis kesalahan yang terlibat.

2. Bagi kes PBA Holdings Berhad (PBA), pihak Bursa mendapati pihak PBA telah menyalahi peruntukan 8.23(1) Keperluan Penyenaraian iaitu berkaitan dengan bantuan kewangan yang diberikan tidak termasuk di dalam kategori yang dibenarkan dan peruntukan 10.08(1) Keperluan Penyenaraian iaitu berkaitan dengan pengumuman yang dibuat selepas pada masa yang ditetapkan. Berikutan itu, Bursa telah memulakan prosiding penguatkuasaan melalui surat bertarikh 12 Februari 2010 yang di alamatkan kepada Lembaga Pengarah PBA dan telah memutuskan untuk mengenakan teguran sulit (*private reprimand*) ke atas PBA. Bursa tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pengarah-pengarah PBA sama ada yang lama atau yang baru dan tiada keputusan kesalahan dibuat oleh Bursa terhadap pengarah-pengarah PBA sama ada yang lama atau baru.
3. Penjelasan juga telah diberikan kepada PBA serta pengarah termasuk Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng melalui surat bertarikh 21 Jun dan 21 September 2010 bahawa teguran sulit tersebut adalah ke atas PBA dan bukan pengarah-pengarahnya.

NO. SOALAN:

63 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH : 28MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN **2**

PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia berpuas hati dengan penyertaan usahawan negeri Sabah dalam industri minyak dan gas di negeri Sabah. Kalau tidak, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan syarikat-syarikat usahawan negeri Sabah yang berkelayakan dan berkemahiran turut mendapat peluang perniagaan dalam industri tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan secara umumnya berpuas hati dengan pencapaian dan keupayaan yang diperlihatkan oleh usahawan negeri Sabah dalam industri minyak dan gas. Kerajaan melalui PETRONAS telah membuka banyak peluang kepada syarikat-syarikat dari Sabah yang berminat dan berkelayakan untuk menyertai projek-projek pembangunan berkaitan industri minyak dan gas. Sepanjang lima tahun yang lalu, PETRONAS telah menganugerahkan kontrak-kontrak yang secara keseluruhannya berjumlah RM1.3 bilion kepada syarikat-syarikat dari negeri Sabah.

Pihak PETRONAS sentiasa berusaha dan prihatin terhadap keupayaan dan kemahiran syarikat-syarikat tempatan bagi memastikan mereka berpeluang untuk turut sama terlibat dalam industri minyak dan gas di negara ini. Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat tempatan dan menyediakan peluang-peluang perniagaan termasuk:

- (i) Menetapkan jumlah bahan/tenaga kerja tempatan (*local content*) yang optimum di dalam terma kontrak untuk memastikan pembabitan syarikat-syarikat Bumiputera yang berkelayakan;
- (ii) Memberi keutamaan terhadap penyertaan syarikat-syarikat tempatan yang berkelayakan di dalam projek-projek utama PETRONAS di Sabah seperti Projek Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) dan projek saluran paip gas dari Kimanis ke Bintulu (SSGP). Antara bidang kerja yang melibatkan syarikat-syarikat tempatan Sabah adalah seperti kerja-

kerja sivil, mekanikal, elektrikal dan kerja-kerja pembekalan bahan-bahan binaan dan perkhidmatan yang lain;

- (iii) Memberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat dari Sabah untuk kerja-kerja PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) di dalam bidang pembekalan dan perkhidmatan seperti berikut:
- a. Pembekal dan peniaga tabung *Liquefied Petroleum Gas* (LPG);
 - b. Peniaga dan penjual semula barang PDB seperti produk minyak dan pelincir secara pukal;
 - c. Peniaga stesen-stesen minyak PETRONAS;
 - d. Kerja-kerja penyelenggaraan untuk stesen gas dan gudang-gudang PDB;
 - e. Pembekal dan pengedaran lori tangki pengangkut minyak; dan
 - f. Hakmilik bengkel kereta ‘Syntium’.

(iv) PETRONAS juga telah mengadakan sesi pertemuan dengan Dewan Pemiagaan Sabah pada 27 - 30 November 2010 untuk menerangkan kepada kontraktor-kontraktor Sabah mengenai keperluan PETRONAS untuk pakej-pakej pekerjaan berkaitan projek SOGT dan peluang-peluang lain yang ada untuk disertai dalam industri minyak dan gas di Sabah.

SOALAN NO :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT

[KUALA TERENGGANU]

TARIKH 28 MAC 2011 (ISNIN)

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

SOALAN:

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah wang ehsan / dana khas dari wang royalti petroleum Terengganu yang telah digunakan oleh Kerajaan Pusat untuk membantu mangsa banjir di seluruh negara mengikut pecahan negeri-negeri sehingga bulan Februari 2011.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

- 1) Bantuan wang ehsan yang diberikan kepada mangsa banjir sebanyak RM500 bagi setiap keluarga adalah dari Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABN) yang diwujudkan dibawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957. Kumpulan wang amanah ini mendapat peruntukan daripada Kementerian Kewangan dan juga

sumbangan awam.

- 2) Sejumlah RM24,866,000.00 wang ehsan telah diagihkan kepada mangsa banjir yang berlaku pada akhir tahun 2010 dan awal tahun 2011. Perincian agihan wang mengikut negeri adalah seperti berikut:

| Bil | NEGERI | BANTUAN | JUMLAH KELUARGA |
|--------|------------|-----------------|-----------------|
| 1 | Kedah | RM15,474,000.00 | 30,948 |
| 2 | Perlis | RM8,273,500.00 | 16,547 |
| 3 | Terengganu | RM701,000.00 | 1,402 |
| 4 | Kelantan | RM70,500.00 | 141 |
| 5 | Sabah | RM48,500.00 | 70 |
| 6 | Melaka | RM15,000.00 | 21 |
| 7 | Johor | RM52,000.00 | 104 |
| 8 | Pahang | RM231,500.00 | 463 |
| JUMLAH | | RM24,866,000.00 | 49,696 |

Sekian, terima kasih.

NO. AUM :3€f ??
NO. AUP :£r

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH 28 MAC 2011

RUJUKAN 3420

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan satu persatu jumlah nilai kontrak dan butir-butir terperinci yang dianugerahkan kepada syarikat BLT untuk pembinaan 74 balai Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta komposisi kaum kontraktor yang diberi kontrak.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Taiping kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, terdapat 74 projek pembangunan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di bawah kelolaan

JAWAPAN

syarikat Pembinaan BLT (PBLT) Sdn. Bhd. dengan kos pembinaan keseluruhan berjumlah RM 5.97 bilion.

Kesemua 74 projek tersebut dilaksanakan oleh syarikat kontraktor bertaraf Bumiputera.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

[LEMBAH PANTAI]

TARIKH **28 MAC 2011 (ISNIN)**

SOALAN

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan bila senarai harta Ahli-ahli Kabinet dapat dilihat oleh rakyat dan jika tidak, adakah senarai tersebut boleh dilihat oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Anggota-anggota Pentadbiran telah disyaratkan supaya membuat pengisytiharan harta untuk dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri. Tidak menjadi amalan pentadbiran Kerajaan untuk mendedahkan senarai berkenaan kepada pengetahuan umum kerana ia melibatkan '*privacy* dan keselamatan anggota-anggota pentadbiran berkenaan.

Sekian, terima kasih

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH 28 MAC 2011

RUJUKAN 3421

SOALAN:

JAWAPAN:

Tuan Charles Anthony A/L R.Santlago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah sijil kewarganegaraan termasuk MyKad yang diberikan kepada pemohon-pemohon melalui program "My Daftar" untuk orang Cina, India dan Indonesia dalam dua tahun yang lalu. Mengapa proses permohonan ini mengambil masa satu tahun.
Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Klang yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Operasi MyDaftar yang dijalankan oleh Jabatan Pendaftaran Negara adalah bertujuan untuk menangani masalah rakyat Malaysia yang masih belum memiliki dokumen pengenalan diri. Meskipun operasi ini berhasrat untuk membantu golongan tersebut, namun pelaksanaannya tetap berlandaskan syarat dan kelayakan yang ditetapkan serta mengikut peraturan, dasar dan prosedur yang sedia ada.

Pihak Kementerian ingin menegaskan bahawa Operasi MyDaftar yang diadakan pada dua tahun yang lalu tidak hanya menumpukan pada kaum-kaum atau golongan yang tertentu, sebaliknya ia terbuka kepada semua golongan tanpa mengira kaum, umur maupun jantina.

Adalah dimaklumkan juga bahawa Operasi MyDaftar yang dijalankan itu lebih memfokuskan kepada urusan permohonan Daftar Lewat Sijil

NO. AUM : ATtf^A

Kelahiran dan Kad Pengenalan. Bagaimanapun, terdapat juga beberapa permasalahan mengenai isu dan permohonan taraf

kewarganegaraan yang dirujuk oleh pemohon semasa operasi tersebut dijalankan. Berdasarkan statistik yang diperolehi, jumlah kad pengenalan yang dikeluarkan kepada pemohon melalui program MyDaftar adalah sebanyak 1,927 keping. Manakala jumlah sijil kewarganegaraan yang dikeluarkan kepada pemohon berdasarkan permohonan yang dibuat di kaunter-kaunter JPN seluruh negara dan kes-kes yang dirujuk melalui Operasi MyDaftar yang diadakan sejak dua tahun yang lalu adalah sebanyak 22,330 sijil.

Semua permohonan yang diterima melalui Operasi MyDaftar diproses mengikut Piagam Pelanggan yang ditetapkan. Namun begitu, sebahagian besar daripada permohonan ini berjaya diselesaikan lebih awal daripada tempoh yang dijanjikan. Permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia mengambil masa setahun untuk diproses kerana permohonan tersebut perlu ditapis dan dibuat semakan yang teliti bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

JAWAB LISAN

Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT 28 MAC 2010
(ISNIN)

Y.B. Tuan Masir Anak Kujat (Sri Aman) minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah senarai penuh projek Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) di kawasan Parlimen Sri Aman akan diumumkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai projek bagi tempoh dua tahun pertama RMKe-10 (2011-2012), telahpun dimaklumkan selepas pembentangan Bajet 2011. Bagi tempoh dua tahun kedua RMKe-10 (2012-2013) pula, kementerian sedang mengemukakan cadangan program dan projek masing-masing untuk pertimbangan UPE, JPM. Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 Mac 2011. Senarai projek yang akan dilaksana dalam tempoh dua tahun kedua (2012-2013) ini termasuk bagi kawasan Parlimen Sri Aman hanya akan diumumkan selepas pembentangan Bajet 2012 di Parlimen pada 7 Oktober 2011.